



FITNAH MAKANAN BULAN RAMADAN

- Ada pihak sengaja menyusun modus operandi untuk menyebarkan fitnah secara tersusun walaupun dalam Ramadan .
- Gerak kerja fitnah ini menunjukkan ada pihak yang tidak kisah erti dosa dan pahala.
- 4 pemilik akaun Facebook disiasat SKMM kerana menyebarkan fitnah yang diterima melalui aplikasi WhatsApp .

MUKA 2 DAN 3

MUKA 6


RM500 “duit raya” untuk penjawat Awam Negeri Sembilan



Rekod Pelaburan Negeri Sembilan

Aspirasi BERKUALITI BERKUALITI BERKUALITI

MUKA 5



Tahun	2018	2019	2020	2021	2022	2023
Jumlah Pelaburan (RM Billion)	2.86	6.96	7.93	5.76	8.9	10.1

Pelaburan tertinggi dalam sejarah Negeri Sembilan

Analisa: Modus operandi fitnah untuk tabur kebencian dan permusuhan



MENTERI Komunikasi telah membuat satu kenyataan media berkenaan isu "gerakan fitnah terancang" kononnya tiada lagi Majlis Tilawah Al-Quran yang biasanya dianjurkan di Malaysia.

Susulan isu tersebut, 4 orang pengguna Facebook yang membuat status yang seakan-akan sama telah dipanggil untuk siasatan oleh pihak SKMM.

Jika diperhatikan dari status-status Facebook sebelum ini telah banyak status seperti ini digunakan untuk mempengaruhi sentimen rakyat yang tidak tahu hujung pangkal berita.

Gerakan tersusun ini akan dimulakan melalui ruang sembang WhatsApp yang menghimpunkan majoriti ahli yang mempunyai latar belakang dan kecenderungan yang sama seperti group masjid, surau, taman perumahan, kampung atau pertubuhan.

Bagi yang mahir menggunakan aplikasi ini, semua

berita-berita fitnah akan di'copy' dan disebar dalam group WhatsApp.

Sama ada bentuk gambar yang diedit, video yang diedit atau tajuk berita akan dimuat naik ke group tersebut.

Kebiasaannya setiap group akan ada seorang "PIC" yang akan ditugaskan untuk perkara tersebut.

Jika ada isu-isu sensasi yang boleh dijadikan bahan, agen-agen ini akan mula menyusun berita yang disalin dari Facebook atau mana-mana sumber untuk dimuat naik ke group tersebut.

Selepas 'berita fitnah' dimuat naik, mereka akan melihat respon ruang sembang dan akan menambah lagi bahan untuk dimuat naik.

Ia akan diulang untuk beberapa hari sehingga menjadi persepsi kekal kepada ahli

group.

Sentimen yang biasa akan dimainkan adalah Melayu terancam, Islam dihina, orang Cina kuasai kita, jangan beli barangan buatan selain orang Melayu. Dalam keadaan ini, masyarakat Melayu akan mudah di'ransang' sentimen mereka.

Lebih-lebih lagi menjadikan hujah "Takkan nak tunggu dah jadi seperti Palestin". Maka, modus operandi fitnah atas talian seperti ini akan menjadi lebih mudah.

Jika pihak berkuasa telah memberi penjelasan, mereka akan menyusun poster atau headline yang menolak penjelasan tersebut demi memastikan fitnah mereka berjaya.

Agenda terancang ini sudah pasti ada tangan yang menyusun.

Orang seperti ini punya niat yang tidak baik untuk negara.

Barangkali tewas dalam pilihanraya dan gagal berkuasa. Akhirnya mereka gunakan rakyat. Maklumlah, orang Melayu paling mudah di 'ransang' dengan sentimen kemelayuan.

Tetapi, yang terkena adalah mereka-mereka yang berkongsi status fitnah di Facebook.

Tangan yang bersembunyi kekal selamat. Lebih parah, ada dari kalangan parti Islam yang turut sama terlibat. PDRM dan SKMM sedang memantau agenda 'tangan disebalik tabir' ini.

Jika tertangkap, orang ini wajar diberi hukuman terberat. Mereka adalah petualang kepada hancurnya negara.

Naratif Kira

Ruwaibidhah di Tanah Melayu

Ketua Editor:

Ahmad Shahir Mohd Shah

Setiausaha Akhbar YAB Menteri Besar Negeri Sembilan

FITNAH yang menjalar ke dalam masyarakat adalah barah yang tiada ubat. Sel barah biasanya dibuang dari badan kalau mahu sembuh. Begitu juga fitnah.

Allah SWT membuat perbandingan dosa fitnah lebih berat dari membunuh.

Bukan meringankan dosa membunuh, tetapi kesan fitnah jauh lebih dahsyat dari membunuh.

Jika yang dibunuh itu hanya 1 nyawa, hanya 1 nyawa yang hilang. Tetapi jika fitnah pada 1 individu, ia bukan terhenti pada 1 individu, tetapi terkait pada ahli keluarga, kaum kerabat atau penduduk sesebuah negeri. Itulah bahana fitnah.

Sejarah fitnah bukan bermula semalam. Tetapi telah berkurun lama. Yusuf a.s difitnah Zulaikha sehingga dipenjara. Saidina Uthman r.a dibunuh puak khawarij kerana fitnah.

Nabi SAW terluka kerana Khabar Ifki' yang terkait Aisyah r.a. Runtuhnya Kesultanan Melayu Melaka kepada Portugis juga akibat fitnah. Turki Uthmaniyyah juga terpalit fitnah

genosid penduduk Kristian Armenia.

Tujuan fitnah itu untuk apa? Tiada sebab lain melainkan untuk menjatuhkan. Menjatuhkan pihak lawan dengan fitnah bukan anak jantan.

Hari ini, ada yang menjadikan masjid sebagai medan fitnah. Berlapik ayat Quran dan beralas hadis Nabi, tetapi bersulam fitnah. Benarlah pesan Nabi SAW supaya kita berwaspada dengan Ruwaibidhah.

Pesan Baginda: "Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan penipuan.

Ketika itu pendusta dibenarkan sedangkan orang yang benar dikatakan pendusta, pengkhianat dikatakan amanah sedangkan orang yang amanah dikatakan sebagai pengkhianat. Pada ketika itu Ruwaibidhah akan berbicara."

Ada yang bertanya, "Apa yang dimaksud Ruwaibidhah?" Baginda menjawab, "Orang taaffah (bodoh, akal pendek, lalai, celaru) yang turut campur dalam urusan manusia". Riwayat Ibn Majah (4036)

Kronologi fitnah terancang

6 Nov 2023- Ahli Parlimen Jasin, YB Zulkifli Ismail membuat tulisan dengan menuduh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek melarang pelajar ber'Takbir' dan membaca Doa Qunut Nazilah dalam Program Minggu Solidariti Palestin.

26 Nov 2023- Tular satu hantaran di Facebook yang mendakwa Menteri Komunikasi, YB Fahmi

Fadzil 'bersyukur' dengan pelaksanaan konsert Coldplay selain turut disertakan grafik mengandungi wajah menteri itu berlatar belakangkan suasana konsert dengan tajuk "Konsert Coldplay: Alhamdulillah, berjalan dengan lancar - Fahmi Fadzil".

12 Mac 2024- Ahli Parlimen Pokok Sena, YB Dato' Ahmad Saad @ Yahaya menuduh Menteri

Pendidikan sengaja tidak menghormati bulan Ramadan apabila mengeluarkan arahan pembukaan kantin semasa Ramadan di sekolah.

30 Mac 2024 - Setiausaha Politik Menteri Pendidikan, Atiqah Syairah Shaharuddin membuat laporan polis di Kuching, Sarawak berhubung penulisan video tular dan gambar poster Fadhlina itu

yang didakwa telah disunting serta bersifat fitnah sehingga menimbulkan reaksi negatif netizen.

4 April 2024 - Menteri Komunikasi mengesahkan pihaknya mengesan hantaran mesej tersusun itu sudah bermula sejak Februari lalu berkaitan tiada majlis tilawah al-Quran pada tahun ini.

Laporan polis ke atas penceramah memfitnah di Masjid Sikamat

SEREMBAN: Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan dan Angkatan Muda Keadilan (AMK) Seremban membuat laporan polis terhadap penceramah, Rosmin Adam berhubung ceramah yang didakwa memfitnah Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek di sebuah masjid baru-baru ini.

Laporan polis dibuat Setiausaha Akhbar Menteri Besar Negeri Sembilan, Ahmad Shahir Mohd Shah dan Ketua AMK Cabang Seremban, Mohamad Afif Anuar di Balai Polis Daerah (IPD) di Seremban 2.

Ahmad Shahir berkata, kandungan video berdurasi 1.01 minit berkaitan ceramah Rosmin ketika kuliah Subuh di Masjid Dato' Klana Petra Lela Mohd Yusof, Sikamat di daerah ini, pada 1 April lalu berunsur fitnah.

Rosmin didakwa mengulangi fitnah terhadap Fadhlina yang berkait isu perkataan kafir selain mengaitkan isu larangan takbir di sekolah, kantin sekolah dibuka pada Ramadan dan larangan membaca Qunut Nazilah di sekolah.

"Dalam ceramah itu lebih kepada menghasut, menanam kebencian dan fitnah walaupun penjelasan sudah diberikan.

"Walaupun dia tidak merujuk kepada mana-mana individu namun semua maklum siapa individu yang



dia rujuk.

"Fadhlina juga sudah memberikan respons yang jelas berkenaan isu terbabit.

"Kami bercadang meminta Pejabat Mufti Negeri Sembilan menyemak semula tauliah beliau.

"Jika dia mengajar perkara yang betul, ia tidak menjadi masalah tetapi hasil rakaman video tersebut jelas dia menggunakan platform itu untuk menghasut dan menanam kebencian kepada satu pihak," katanya.

Sumber- Berita Harian

Respon rakyat tentang budaya fitnah



“Sosial media disalah guna bagi menimbulkan kebencian kepada kerajaan.

Walaupun bulan Ramadhan, fitnah ditabur bagi menimbulkan kemarahan rakyat. Perkara seperti ini perlu ditolak secara total.”

MOHD AGMEER FAROUKE

Pengarah Eksekutif



“Tak kira bulan puasa atau tidak, kita kena jaga akhlak dan adab, jangan suka menabur fitnah. Ruang bebas bersuara digunakan oleh pihak pembangkang untuk menabur fitnah tanpa mengira dosa pahala. Diharap pihak kerajaan dan PDRM bertindak tegas dalam isu-isu yang menimbulkan sentimen 3R.”

MOHD ZAINUDDIN MOHAMAD

Pesara Kerajaan (Felda)



“Pembangkang telah menjadikan fitnah sebagai budaya. Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek benar dalam pendiriannya, tidak ada ulama yang membenarkan perkataan “wahai kafir” kepada orang bukan Islam khususnya dalam mendidik umat Islam untuk menonjolkan kebaikan Islam.”

ABDUL RAZAK ZAKARIA

Pesara Tentera



“Saya meminta kerajaan mengambil tindakan tegas dan menggunakan undang-undang yang sedia ada ke atas pihak yang menimbulkan fitnah. Setakat saman-menyaman ini tidak membendung budaya fitnah kerana mereka mampu bayar dan mengulangi perbuatan fitnah.

MOHD TARIQ MOHD KAMAL

Pengurus Jualan

Kisah Nabi Muhammad berdepan fitnah tentang Aisyah

FITNAH ini merupakan satu peristiwa yang sangat pahit untuk dihadapi oleh Ummu al-Mukminin Aisyah R.Anha.

Ia menimpa rumah tangga dan keluarga manusia yang paling mulia, iaitu Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga sahabat terdekat baginda SAW iaitu Saidina Abu Bakar al-Siddiq RA. Fitnah ini berlarutan selama sebulan.

Walaubagaimanapun, Aisyah R.Anha tidak tahu-menahu walaupun sedikit berkaitan fitnah yang telah tersebar mengenai kesucian maruahnyanya tersebut.

Dia hanya merasai perubahan sikap dan suasana disekelilingnya dan juga perubahan yang ada pada Rasulullah SAW setelah kepulangannya daripada

peperangan Bani Mustaliq.

Kata-kata Rasulullah SAW tersebut membuat Saidatina Aisyah terluka dan berkecil hati kerana seolah-olah Baginda SAW mempercayai tuduhan tersebut.

Saidatina Aisyah kemudiannya memandang kepada kedua orang tuanya, untuk melihat reaksi mereka terhadap apa yang dikatakan oleh Rasulullah SAW. Akan tetapi keduanya berdiam diri tanpa sepatah kata.

Aisyah mengerti mengapa keduanya berdiam diri kerana hanya dirinya sahaja yang mampu menjawab kata-kata Rasulullah SAW tadi.

Aisyah menjawab kepada Rasulullah SAW dalam keadaan

menangis dengan menafikan tuduhan tersebut dan enggan bertaubat kerana dia tidak melakukan maksiat tersebut.

Dia berkata bahawa bersabar lebih baik dan hanya kepada Allah sahajalah dia memohon pertolongan atas apa yang dituduhkan kepadanya.

Ketika Rasulullah SAW ingin pulang, wajah Baginda SAW mula berubah dan keadaan Baginda SAW pada ketika itu nampak begitu berat dan berpeleluh, sedangkan ketika itu adalah musim sejuk.

Selepas daripada itu, lahir kegembiraan daripada wajah Rasulullah SAW, Baginda SAW tersenyum gembira dengan berkata: “Wahai Aisyah, bergembiralah kerana Allah ‘Azza wa Jalla

telah membebaskan dirimu.” Lalu Saidatina Aisyah mengucapkan tahmid kepada Allah SWT.

Sesungguhnya Allah SWT telah membersihkan nama Saidatina Aisyah R.Anha daripada fitnah itu dengan turunnya wahyu iaitu ayat 11-19, Surah al-Nur bagi menjelaskan hakikat sebenar yang berlaku.

Ayat selepas itu menerangkan tentang hukuman terhadap orang yang melemparkan tuduhan (qazaf) terhadap wanita yang suci dengan menghukumnya dengan hukuman sebatan.

Rujuk Fiqh al-Sirah li Muhammad al-Ghazali, m/s 292-296 & al-Sirah al-Nabawiyah lil Abu Hasan al-Nadwi, m/s 273-277

RM10.1 bilion, rekod tertinggi pelaburan Negeri Sembilan

FAIZ ABDULLAH

KERAJAAN Perpaduan Negeri Sembilan mencatatkan rekod pelaburan tertinggi dalam sejarah dengan jumlah pelaburan RM10.1 bilion bagi tahun 2023.

Sebanyak RM4.1 bilion adalah pelaburan domestik manakala RM6.0 bilion daripada pelaburan luar negara (Foreign Direct Investment - FDI).

Pencapaian RM10.1 bilion ini menunjukkan lonjakan sebanyak 13 peratus berbanding tahun 2022 iaitu sebanyak RM8.9 bilion.

Rekod ini berjaya dicapai melalui 189 projek yang telah diluluskan membabitkan sektor pembuatan berjumlah RM7.6 bilion dan sektor perkhidmatan sebanyak RM2.5 bilion.



Pencapaian ini membuktikan Kerajaan Negeri komited menyediakan fasiliti dan kemudahan asas bagi memastikan Negeri Sembilan terus kekal sebagai destinasi pelabur dari dalam dan luar negara pada

masa akan datang.

Kerajaan Negeri juga telah membuka beberapa kawasan industri yang baharu.

Menteri Besar Negeri Sembilan,

YAB Dato' Seri Aminuddin Harun pula dilihat tidak penat untuk membawa masuk lebih banyak pelaburan.

Baru-baru ini beliau telah menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Jerman ke Malaysia, TYT Dr Peter Blomeyer.

Kedua-dua pemimpin ini bertukar pandangan mengenai kerjasama dua hala antara Jerman dan Negeri Sembilan dalam pelbagai bidang yang boleh dijalankan di negeri ini terutamanya sektor perindustrian dan pendidikan.

Melihat kesungguhan Aminuddin untuk terus memperluaskan pelaburan di Negeri Sembilan, maka adalah tidak sukar untuk Kerajaan Negeri Sembilan mencapai sasaran pelaburan baharu melebihi RM10 bilion pada tahun ini berbanding RM10.1 bilion pada tahun lepas.

Jalaluddin minta Arab Saudi tingkatkan import minyak sawit

SAYA antara salah seorang wakil delegasi Malaysia yang hadir ke Mesyuarat Dua Hala antara Malaysia & Arab Saudi di Bangunan Parlimen, sempena Lawatan Rasmi Saudi-Malaysian Parliamentary Friendship Group, hari ini.

Delegasi Arab Saudi diketuai oleh Dr.Hussein bin Nasser Al Sharif (Ahli Majlis Shura Arab Saudi) dan tujuh ahli rombongan lain.

Mewakili rakyat dan keparlimenan Malaysia, saya menyentuh tiga isu terkait dengan hubungan diplomasi antara negara kita dengan Arab Saudi.

Isu pertama berkaitan ekonomi. Arab Saudi merupakan rakan ekonomi dan perdagangan penting untuk kita.

Terbukti apabila Arab Saudi telah menjadi rakan dagangan terbesar antara negara Asia Barat pada 2023, jumlah perdagangan dua hala meningkat 11.5% kepada RM50.52 bilion (USD11.06 bilion) daripada RM45.32 bilion (USD10.21 bilion) semasa 2022.

Antara barangan eksport utama dari Malaysia ke Arab Saudi ialah minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit.

Justeru itu, mewakili petani kelapa sawit di Malaysia, saya berharap agar pihak Kerajaan Arab Saudi boleh mengekalkan nilai import minyak sawit dan meningkatkan import dari semasa ke semasa.



Isu kedua mengenai pengurusan jemaah haji di Arab Saudi. Bagi musim haji 1445H (2024), Kerajaan Arab Saudi telah memperuntukkan 31,600 kuota haji untuk Jemaah Haji Malaysia, di masa yang sama, Malaysia telah meminta kuota tambahan sebanyak 10,000 slot dan pengembalian semula 750 slot untuk Petugas Haji.

Walaupun begitu, setiap tahun, masih ramai umat Islam Malaysia tidak dapat menunaikan haji kerana kuota yang diberikan tidak mencukupi, sebab itu saya sangat berharap kuota tambahan boleh diberikan kepada rakyat Malaysia pada musim haji tahun ini.

Isu ketiga, mengenai kedudukan rakyat dan penguasa di Malaysia

mengenai konflik Palestin-Israel. Sebagai sebuah Negara Islam, Malaysia dan Arab Saudi berkongsi pandangan yang sama mengenai isu ini.

Malaysia menuntut Israel untuk segera melakukan gencatan senjata dan mematuhi undang-undang antarabangsa. Kita tak boleh terima tindakan Israel membunuh kanak-kanak dan orang awam selain memusnahkan kemudahan termasuk hospital.

Malaysia menyatakan sokongan dan solidariti yang tidak berbelah bahagi terhadap rakyat Palestin, termasuk penubuhan negara yang merdeka dan berdaulat berdasarkan sempadan sebelum 1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai

ibu negara Palestin dan diterima sebagai ahli penuh PBB.

Malaysia bersedia untuk bekerjasama rapat dengan semua negara untuk mempromosikan penyelesaian yang adil, berkeadilan dan aman kepada perjuangan Palestin mengenai resolusi PBB yang berkaitan, undang-undang antarabangsa dan dua hala perjanjian.

Sebagai penutup tadi, saya zahirkan harapan agar hubungan dua hala antara negara ini terus kekal zaman berzaman dan memberi keuntungan maksima kepada rakyat kedua-dua negara, Insya-Alah.

Datuk Seri Jalaluddin Alias
Ahli Parlimen Jekebu

90 bas awam baharu untuk Negeri Sembilan



SEREMBAN: Kementerian Pengangkutan (MOT) akan menyediakan 90 bas awam baharu untuk perkhidmatan MyBas di seluruh Negeri Sembilan dan lima bas elek-

trik (EV) di kawasan Seremban.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, YB

J.Arul Kumar berkata, beliau telah membuat tinjauan Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (SBST) atau My-Bas di Terminal 1 Seremban bersama Setiausaha Politik kepada YB Menteri Pengangkutan.

"Dua operator baharu telah dilantik oleh MOT untuk mengendalikan Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti di seluruh Negeri Sembilan bermula 1 April 2024.

"Buat masa ini sehingga 30 Jun 2024, kedua-dua operator akan menggunakan bas-bas sedia ada dalam tempoh peralihan tiga bulan dan selepas itu akan ada lebih kurang 90 bas baharu untuk Perkhidmatan MyBas ini di seluruh Negeri Sembilan dan lima bas elektrik (EV) di kawasan Seremban.

"Setakat ini semua laluan adalah sama seperti sebelum ini dan

dikekalkan.

"Tetapi saya juga dimaklumkan terdapat beberapa laluan yang tidak mendapat sambutan yang menggalakkan," jelas Arul Kumar.

Arul Kumar berkata, beliau mendapat maklum balas daripada pengguna bas bahawa tempoh masa menunggu setiap laluan yang terlalu lama menjadi salah satu punca orang ramai tidak tertarik untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam ini.

"Kita akan mengkaji lagi beberapa faktor dan akan dibawa ke peringkat MOT untuk menambahbaik lagi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti di Negeri Sembilan dalam masa terdekat," ujar Arul Kumar.

3,800 anggota Polis Negeri Sembilan bertugas semasa Aidilfitri



SEREMBAN: Seramai 3,800 pegawai dan anggota polis di seluruh Negeri Sembilan telah bertugas semasa musim perayaan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Dato' Ahmad Dzaffir Mohd Yusof berkata, jumlah itu termasuk bagi pelaksanaan Op Selamat yang akan dilancarkan dan pemantauan keselamatan di semua kawasan, sepanjang tempoh tersebut.

"Polis tetap dengan penugasan kami menjaga keselamatan dan keamanan negeri.

"Lebih kurang 20 peratus anggota bercuti secara bergilir sempena perayaan, manakala 3,800 pegawai dan anggota bertugas.

"Kita juga telah memberi tumpuan kepada 19 lokasi tumpuan yang dikenal pasti kerap berlaku kemalangan dan kesesakan, termasuk di lebuh raya dan jalan-jalan kampung," kata Ahmad Dzaffir.

Tambah beliau lagi, penduduk yang pulang ke kampung sempena perayaan telah dinasihatkan untuk memaklumkan tempoh ketiadaan mereka di rumah di balai polis terdekat ataupun melalui aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP).

"Perkara itu bagi memudahkan polis memantau dan membuat rondaan di lokasi dan kawasan perumahan terbabit sepanjang ketiadaan mereka," ujar beliau.

Negeri Sembilan perkukuh kerjasama hubungan dua hala dengan Jerman



SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan menyambut baik kerjasama dua hala dengan Kerajaan Jerman khususnya dalam sektor perindustrian dan pendidikan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, beliau telah menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Jerman ke Malaysia, TYT Dr Peter Blomeyer.

"Kami bertukar pandangan mengenai kerjasama dua hala antara Jerman dan Negeri Sembilan dalam pelbagai bidang yang boleh dijalankan di negeri ini terutamanya sektor perindustrian dan pendidikan.

"Saya juga menyatakan bahawa komitmen Kerajaan Negeri untuk

menyediakan prasarana dan kemudahan bagi pelabur-pelabur dari Jerman yang ingin melabur di Negeri Sembilan.

"Terima kasih kepada kerajaan Jerman kerana menjadikan Malaysia sebagai rakan dagang yang akrab selepas lawatan rasmi YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Jerman baru-baru ini," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata, Dr.Peter menunjukkan minat terhadap adat perpatih di Negeri Sembilan.

"Ini juga merupakan satu peluang yang baik untuk kita memperkenalkan Adat Perpatih di persada dunia," ujar Aminuddin.

RM500 lagi untuk penjawat awam Negeri Sembilan sambut hari raya



SEREMBAN: Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan mengumumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) RM500 kepada penjawat awam Negeri Sembilan sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri yang dijangka pada 10 April ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, seramai 6,662 penjawat awam Negeri Sembilan akan menerima bantuan ini.

"Penerima bantuan ini melibatkan 6,662 penjawat awam di jabatan kerajaan

negeri, pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun negeri.

"Bantuan khas sempena sambutan Hari Raya ini melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM3.33 juta.

"Kita berharap dengan usaha ini, ia meningkatkan lagi komitmen, kesungguhan dan motivasi penjawat awam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik," kata Aminuddin dalam Sidang Media selepas Majlis Pra Pelancaran Program Mantai Rayo 2024 di Wisma Negeri.

KPM perluas pengambilan calon guru kepada lepasan STPM, STAM, Matriks

SEREMBAN: Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperluaskan pengambilan calon guru tajaan KPM bagi latihan pra perkhidmatan kepada lepasan Sijil Pengajian Tinggi Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Matrikulasi.

Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek berkata, ini merupakan inisiatif KPM bagi membuka peluang kepada lebih ramai lagi calon yang berminat menjadi guru untuk memohon ke Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP).



"Dalam masa sama, ia juga dapat memastikan calon terbaik dapat dipilih bagi mengikuti program ini.

"Calon yang terpilih akan dilatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam pelbagai bidang pengkhususan untuk tempoh kursus selama empat tahun.

"Inisiatif ini juga membuktikan komitmen berterusan KPM dalam menangani isu kekurangan guru selain memastikan kualiti calon guru terbaik bagi menyumbang kepada agenda reformasi pendidikan negara," kata Fadhlina.

Disangka alas kaki, rupanya sejadah mini

SHAH ALAM: Baru-baru ini telah tular sebuah video klip yang mendakwa bahawa terdapat alas kaki yang dijual di pasaraya AEON BiG (M) Sdn Bhd memiliki kalimah Allah.

Walau bagaimanapun pihak pengurusan AEON BiG telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa produk yang disangka alas kaki itu adalah merupakan sebuah sejadah mini untuk kegunaan umat Islam.

Jelas mereka lagi bahawa perkara itu merupakan salah faham dan pihaknya telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ).

Katanya lagi, pembekal produk sejadah mini adalah syarikat A&R Fashion Collection ("A&R") yang merupakan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) milik 100 peratus Bumiputera/Islam yang membekalkan pakaian muslimah patuh syariah seperti jubah solat, tudung, kurta, sampin, songkok, sejadah dan pelbagai.

"Pihak A&R juga telah mengesahkan bahawa produk yang tular itu merupakan sejadah mini, di mana coraknya adalah format mengagak yang merupakan amalan biasa.

"Walau bagaimanapun, selaras amalan terbaik syarikat untuk pembekal PKS, A&R menggunakan kod barangan dalam sistem



yang sebelum ini digunakan untuk produk lain syarikat berkenaan.

"Akibat daripada itu, label yang digantung pada produk menunjukkan pelbagai deskripsi, yang akhirnya menyebabkan kekeliruan.

"Tetapi, perkara tersebut telah diselesaikan serta-merta dalam sistem pengurusan barangan AEON BiG," kata mereka.

Sempadan Gaza dibuka, Israel semakin terdesak

RAFAH: Setelah mendapat tentangan dan arahan daripada seluruh dunia, akhirnya puak rejim Zionis Israel telah membuka semula sempadan Gaza, Palestin.

Ini termasuk Jordan yang dengan keras meminta supaya sempadan negara itu kembali dibuka bagi menghalang kebuluran makanan daripada menimpa penduduk di sana.

Ini sudah pasti memberi kabar gembira kepada semua saudara kita yang berada di sana, tetapi secara tidak langsung telah membuka wajah sebenar Israel kepada dunia.

Hal ini demikian kerana terdapat satu serangan yang membabitkan konvoi World Central Kitchen (WCK) hingga menyebabkan tujuh orang maut ditempat kejadian dan tiga daripadanya merupakan sukarelawan WCK.

Individu yang menjadi mangsa serangan udara rejim zionis itu adalah Saifeddin Issam Ayad Abutaha, 25, dari Palestin; Lalzawmi 'Zomi' Frankcom,



43, (Australia); Damian Soból, 35, (Poland); Jacob Flickinger, 33, (warganegara AS-Kanada).

WCK merupakan salah satu pembekal utama bantuan bekalan makanan yang sangat diperlukan kepada Gaza, namun akibat kejadian yang berlaku ini mereka akan membuat keputusan tentang masa depan operasinya di Gaza dalam masa terdekat ini.

Walau bagaimanapun, Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu berkata bahawa mereka tidak sengaja membunuh tujuh individu tersebut.

Walhal, setiap pergerakan misi bantuan kemanusiaan perlu dilaporkan kepada mereka

secara terperinci.

Oleh itu, adakah logik sekiranya mereka tidak sengaja menyasarkan serangan udara tersebut melalui udara?.

Tambahan pula, Netanyahu langsung tidak membuat permohonan maaf atas kematian tujuh individu tersebut.

Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden turut meluahkan rasa kecewa akibat serangan tersebut sambil menegaskan pihaknya akan melindungi petugas bantuan.

Rata-rata tinjauan ke atas media sosial juga menunjukkan rasa tidak puas hati dan kecewa atas tindakan Israel itu.

Negeri Sembilan arah majikan pindah pekerja asing ke CLQ dalam tiga bulan



SEREMBAN: Majikan di Negeri Sembilan diarah memindahkan pekerja asing yang menduduki penginapan haram yang tiada perakuan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) untuk berpindah segera ke pusat penginapan (CLQ) yang sedia ada dalam tempoh tiga bulan.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Veerapan Superamaniam berkata, terdapat 25 penyedia penginapan (CLQ) yang telah mendapat perakuan JTK dan boleh menampung kapasiti berjumlah 8,349

orang pekerja.

"Terkini melalui rekod JTK Negeri Sembilan, mendapati masih terdapat banyak kekosongan di CLQ yang telah diberi perakuan iaitu dianggarkan berjumlah 3,751 orang.

"Ini bermakna majikan tidak mempunyai alasan untuk tidak menempatkan pekerja asing yang mereka gajikan di penginapan yang telah diberi perakuan.

"Antara kesalahan dikesan yang dilakukan oleh pihak majikan dan subkontraktor adalah meletakkan pekerja asing mereka di tempat

tinggal yang daif, kotor, penuh sesak dan tidak disediakan kemudahan seperti tilam, katil dan almari berkunci," jelas Veerapan.

Menurut Veerapan, kawasan Nilai, Mantin, Senawang dan Seremban merupakan tumpuan lambakan pekerja warga asing yang agak serius.

"Hasil siasatan mendedahkan di kawasan ini mempunyai banyak rumah kedai khususnya rumah kedai tiga tingkat yang kosong dengan kadar sewa yang sangat rendah jika dibandingkan dengan kawasan lain.

"Selain itu, terdapat juga bangunan terbengkalai yang digunakan oleh pihak majikan untuk menempatkan pekerja asing ini bagi mengelakkan dari dikesan oleh pihak penguatkuasa khususnya JTK.

"Memandangkan isu penginapan ini merupakan isu yg serius di Negeri Sembilan dan berdasarkan situasi semasa yang mendesak maka ianya perlulah ditangani dengan segera," ujar Veerapan.

MANTAI RAYO: 16,000 kilogram daging habis dijual

SEREMBAN: Program Mantai Rayo 2024 menawarkan jualan daging lembu lebih murah daripada harga pasaran, apabila sebanyak 16,000 kilogram daging dijual dengan harga RM36 sekilogram.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu umat Islam sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

"Setiap Pemantai yang mengambil bahagian di dalam program ini perlu menjual daging pejal segar pada kadar harga RM36.00 sekilogram.

"Kerajaan Negeri Sembilan



lan memberi bayaran insentif dalam bentuk wang tunai sebanyak RM3.00 bagi setiap kilogram daging pejal segar yang terjual.

"Secara keseluruhannya sebanyak 16,000 kilogram daging dijual dan ini bermakna setiap 16 DUN diperuntukkan 1,000 kilogram daging.

"Setiap pembeli dibenarkan membeli maksimum dua kilogram daging pejal sahaja dan dianggarkan sekurang-kurangnya 8,000 orang telah menerima manfaat daripada program ini," kata Aminuddin di Majlis Perasmian dan Walkabout Mantai Rayo 2024 di Perkarangan Masjid Sikamat.

CCTV dipasang pantau kegiatan membuang sampah merata-rata



SEREMBAN: Anda sedang diperhatikan! Setiap tindakan anda yang membuang sampah dari tingkap kenderaan, tempat tumpuan dan sampah haram akan diperhatikan melalui pemasangan CCTV di beberapa kawasan tertentu.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, YB J.Arul Kumar berkata, pemasangan CCTV ini tertumpu di persimpangan lampu isyarat, kawasan tumpuan dan 'hotspot' sampah haram.

"SWCorp Negeri Sembilan dalam masa terdekat akan memasang 16 CCTV di beberapa kawasan tertentu dan dalam proses perolehan untuk mendapatkan 40 CCTV yang lebih moden dan canggih.

"SWCorp juga akan memasang papan-papan tanda amaran yang di kawasan yang seringkali menjadi tumpuan pembuangan sampah.

"Pemasangan CCTV dan papan tanda amaran ini juga akan diperluaskan di semua daerah di Negeri Sembilan," kata Arul Kumar.

Menurut Arul Kumar, pemasangan CCTV ini adalah bertujuan untuk menangkap indi-

vidu yang membuang sampah merata-rata termasuk pembuangan sampah dari kenderaan.

"Tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mengeluarkan kompaun dan pihak SWCorp akan mengambil tindakan di bawah Seksyen 71 Akta 672 yang memperuntukkan Denda RM 10,000 hingga RM 100,000 atau penjara enam bulan hingga lima tahun.

"Setiap hukuman yang dikenakan bergantung kepada keberatan kesalahan yang dilakukan.

"Menjaga kebersihan adalah tanggungjawab bersama dan semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing.

"Tindakan penguatkuasaan ini bukan hanya semata-mata untuk menghukum sahaja, tetapi ia boleh dijadikan pengajaran kepada semua," ujar Arul Kumar.

Tambah Arul Kumar lagi, kerjasama daripada orang awam juga dialu-alukan dengan mengambil gambar atau video terhadap sebarang aktiviti pembuangan sampah dan boleh dihantar semua maklumat tersebut kepada SWCorp dan PBT.

RM874,000 untuk imarah masjid dan surau Kuala Pilah



KUALA PILAH: Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir berkenan mengurniakan Bantuan Sokongan Kewangan Khas berjumlah RM874,000 kepada institusi masjid dan surau di Daerah Kuala Pilah.

Bantuan ini daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) kepada Jabatan Hal Ehwal Agama

Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) Kuala Pilah.

Majlis penyerahan bantuan ini diadakan di Masjid Diraja Tuanku Munawir, Seri Menanti. Sementara itu, Tuanku Muhriz mengurniakan sumbangan RM100 kepada setiap kanak-kanak kariah masjid dan juga asnaf Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

Pada majlis tersebut, jumlah penerima asnaf adalah

seperti berikut:

1. Masjid Kariah Gating, Ineh (Luak Ineh) – 20 orang asnaf.
2. Masjid Kariah Kampung Pauh (Luak Terachi) – 17 orang asnaf.
3. Masjid Jamek Yamtuan Raden (Luak Ulu Muar) – 66 orang asnaf.
4. Masjid Diraja Tuanku Munawir (Adat Lingkonan) – 20 orang asnaf.

MAINS ringankan beban Sheqal



SENAWANG: Penyanyi era 90-an yang popular dengan lagu Cinta Nusantara, Shahrin Salehuddin, 59, atau lebih dikenali sebagai Sheqal kini sudah berkerusi roda dan tidak mampu menguruskan diri akibat beberapa kali diserang strok.

Menurut isteri beliau, Sheqal turut mengalami beberapa penyakit lain sejak tiga tahun lalu dan tidak dapat melakukan sebarang pekerjaan sejak itu.

Pasangan yang tinggal menyewa di Taman Tuanku Jaafar ini masih menanggung dua orang anak berusia 19 dan 20 tahun yang masih belajar.

Ketika diziarahi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Sheqal berkata, beliau telah pun menutup pintu hatinya untuk sebarang undangan dalam dunia hiburan bahkan sekiranya boleh, beliau tidak mahu lagu-lagu beliau dikumandangkan di

mana-mana platform media.

“Sekarang saya banyak menulis dan saya berhasrat membukukan penulisan saya yang kebanyakannya berkisar mengenai tasawuf,” kata beliau.

Katanya lagi, beliau amat berterima kasih dengan ziarah dan keprihatinan MAINS kerana mengenangkan beliau masih mempunyai tanggungan dan telah kehilangan punca pendapatan.

Melalui dana zakat, MAINS telah menyampaikan bantuan wang tunai segera berjumlah RM500 bersama hamper Hari Raya.

Sheqal juga akan dibantu dengan bantuan kewangan secara bulanan selepas ini.

Program ziarah ini diketuai Penolong Pegawai MAINS (Operasi 2) Cawangan Senawang, Puan Sharifah Marshitah Syed Mokhtar dan Penolong Pegawai Agihan MAINS Cawangan Senawang, Encik Mohamad Asyraf Abdul Aziz.

Pejabat Daerah dan Tanah Tampin bantu 11 keluarga



TAMPIN: Program Ziarah Kasih merupakan salah satu inisiatif Pejabat Daerah dan Tanah Tampin dalam menyantuni masyarakat kampung di samping mendalami permasalahan yang dihadapi masyarakat kampung.

Sebanyak lima buah keluarga di Mukim Repah dan enam keluarga di Mukim Gemencheh yang terdiri daripada peserta e-kasih iaitu kelompok miskin tegar telah menerima sumbangan wang tunai sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri daripada Pejabat Daerah dan Tanah Tampin.

Penyerahan sumbangan tunai tersebut telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemencheh, YB Suhaimizan Bizar bersama Penolong Pegawai Daerah, Tuan Zainuzzaman Mohd Noor.

Semoga sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat meringankan beban penerima semasa musim perayaan Aidilfitri ini.

Turut hadir, Penghulu Mukim Gemencheh, Encik Muhamad Shafiq Sidek; Pengerusi JPKK Kampung Pondo/Tebong dan Setiausaha JPKK Kampung

AADK santuni golongan miskin tegar sempena Aidilfitri



KUALA PILAH: Sebanyak tujuh buah keluarga miskin tegar dan klien AADK dari DUN Pilah disantuni Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah.

Pegawai Daerah Kuala Pilah, Tuan Mohd Faizal Abdul Manap telah turun padang menghulurkan bantuan barang keperluan dapur dan sumbangan wang tunai kepada tujuh keluarga tersebut.

Sumbangan ini bagi meringankan beban mereka sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Program Ziarah Kasih Aidilfitri 2024

ini diadakan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Jabatan Kebajikan Masyarakat Pilah (JKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan Kuala Pilah (AADK), Jabatan Penerangan Pilah, Pejabat Pembangunan Negeri (PPNS) dan Pengerusi JPKK kawasan.

Turut hadir menjayakan program ini ialah, Timbalan Setiausaha (Operasi) MAINS, YBhg Dato' Nor Azmi Musa; Pegawai JKM Kuala Pilah, Puan Noorazura Hassan dan Ketua Pegawai AADK Daerah Kuala Pilah, Puan Rozita Muhamad Rusli.

"Jangan masjid dah siap, pahat masih berbunyi": Jalaluddin



PERTANG: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pertang, YB Datuk Seri Jalaluddin Alias tidak mahu projek pembangunan untuk rakyat yang telah disiapkan menghadapi sebarang masalah.

"Tidak boleh berlaku sebarang insiden seperti peribahasa 'rumah siap, pahat masih berbunyi' yang bermaksud sesuatu kerja sudah siap, namun ia tidak sempurna atau dipertikai orang ramai," Jalaluddin berkata demikian selepas men-

gadakan lawatan ke Masjid Kampung Kerangai.

Jalaluddin berkata, beliau telah turun padang melawat kerja-kerja penambahbaikan masjid berkenaan lebih lima kali sejak penghujung 2022.

"Saya mengadakan lawatan susulan bersama agensi pelaksana dan kontraktor binaan masjid berkenaan bagi meneliti setiap aspek yang harus diberi penambahbaikan sebelum masjid berkenaan dibuka kepada umum.

"Saya mengakui ingin melihat dengan mata saya sendiri terhadap teguran-teguran yang dibuat sebelum ini.

"Jadi hari ini saya tinjau sekali lagi, nak tengok dengan mata sendiri semua proses itu dah siap atau belum.

"Terima kasih kepada agensi pelaksana dan pihak kontraktor atas daya usaha yang baik demi kesejahteraan masyarakat setempat," ujar beliau yang juga Ahli Parlimen Jelebu.

Pegawai Daerah Jempol turun padang santuni 80 keluarga kurang berkemampuan



JEMPOL: Pejabat Daerah dan Tanah Jempol telah menyantuni 80 keluarga kurang berkemampuan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut Pegawai Daerah Jempol, Puan Nawal Mohamed Amin, sebanyak 80 keluarga iaitu 10 keluarga di DUN Serting, Palong, Jeram Padang, Bahau dan Sungai Lui serta 27 keluarga yang tinggal di PPRT dalam Daerah Jempol telah menerima

sumbangan makanan seperti kuih raya, makanan kering dan wang tunai untuk perbelanjaan sambutan Hari Raya.

Manakala tiga buah keluarga miskin tegar turut terpilih dalam program tahun ini.

Sumbangan ini diharapkan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan keluarga terabit semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Pengerusi MAINS serah sendiri sumbangan kepada 150 asnaf Port Dickson dan Nilai



PORT DICKSON: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) Daerah Port Dickson dengan kerjasama MAINS Cawangan Nilai telah mengadakan Program Memburu Lailatul Qadar dan Penyampaian Bantuan Asnaf di

Masjid Jamek Dato' Haji Abdullah Sijang.

Seramai 150 orang asnaf dari Port Dickson dan Nilai yang hadir telah mengikuti ceramah bertajuk 'Memburu Lailatul Qadar' yang disampaikan oleh Pega-

wai (Operasi) 1 MAINS Daerah Rembau, Zainal Samdin.

Asnaf yang hadir turut menerima sumbangan kewangan daripada Pengerusi MAINS, YBhg Dato' Seri Dr Abdul Aziz Sheikh Ab Kadir.

Turut hadir, Penyelaras DUN Bagan Pinang, Mohd Najib Mohd Isa; Pegawai MAINS Daerah Port Dickson, Puan Norazlina Maarof; Pegawai MAINS Cawangan Nilai, Encik Hazmi Abd Kadir dan Penolong Pegawai Agama Islam Daerah Port Dickson, Khairani Abdul Bar.

Bayi 'kehilangan' ibu bapa dapat perhatian MAINS



SEREMBAN: Seorang bayi berusia lapan bulan, anak kepada pasangan suami isteri yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya di Persiaran Forest Height mendapat perhatian Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

Lebih memilukan, pasangan tersebut baru mendirikan rumah tangga setahun lalu.

Anak tersebut kini dalam jagaan keluarga bapa kandung mangsa di Sikamat.

MAINS Daerah Seremban, Encik Mohd Hafiz Abu Yazid telah menyampaikan bantuan wang tunai segera dan pihak MAINS akan menyalurkan bantuan susulan selepas ini.

Turut hadir, Ketua Penolong Pegawai Daerah Seremban, Puan Nurul Huda Musa; Penghulu DUN Sikamat, Encik Mohd Faihas Md Sharif dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sikamat, Abdul Razak Zakaria.

Pegawai (Operasi) 2

Belanjawan NS 2024: Bersama Membina Negeri Madani, tiada yang tertinggal

DR. JUFITRI JOHA

Perunding Unit Pembangunan Insan (UPI) Yayasan Negeri Sembilan (YNS)



PADA 01 Disember lepas, Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun telah membentangkan Belanjawan 2024 bertemakan 'Bersama Membina Negeri Madani' dengan sembilan teras utama melibatkan jumlah keseluruhan RM555 juta. Ia juga merupakan belanjawan Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan yang pertama selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-15 yang berlangsung pada Ogos 2023.

Belanjawan Negeri Sembilan 2024 seperti biasa meneruskan tradisi kecemerlangan pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan selama lima tahun lepas dengan mengambil kira Aspirasi Perpaduan Negeri Sembilan yang ditawarkan semasa kempen PRN yang lepas bagi memastikan setiap janji-janji manifesto tersebut direalisasikan secara berperingkat selama lima tahun untuk manfaat rakyat Negeri Sembilan.

Belanjawan Negeri Sembilan 2024 juga dirangka selari dengan hasrat Belanjawan Nasional 2024 bagi meningkatkan kemakmuran

ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Ia juga dirangka berdasarkan prestasi ekonomi negeri dan hasil kutipan serta pelaburan yang memberangsangkan di mana segala hasil diagihkan secara adil dan menyeluruh kepada segenap lapisan rakyat Negeri Sembilan tanpa ada golongan yang tertinggal.

Ditambah pula Pelan Pengurusan Kewangan Madani yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada September 2023 dan merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia bertujuan belanjawan tahunan negeri disediakan secara mampan, saling menghormati dan ihsan.

Nilai-nilai kemanusiaan inilah juga yang mendasari konsep Malaysia Madani bagi memastikan keadilan dan kemakmuran dirasai dan dikongsi oleh semua rakyat secara saksama tanpa ada yang rasa terpinggir.

Bukan sekadar nilai, slogan dan dasar yang cantik di atas kertas, Belanjawan Negeri Sembilan 2024 telah menterjemahkannya secara inklusif bagi memastikan seluruh rakyat Negeri Sembilan merasai limpahan kemakmuran ekonomi Negeri Sembilan.

Menurut YAB Dato' Seri Aminuddin, sebanyak RM231.48 juta daripada RM555 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program di bawah sembilan Teras Aspirasi dan Skim Sejahtera Rakyat. Sebanyak RM29.75 juta diperuntukkan untuk Skim Sejahtera Rakyat.

Hampir semua golongan rakyat dipastikan mendapat manfaat tanpa ada golongan yang tercicir, daripada bayi sehinggalah warga emas.

Sebahagian peruntukan merupakan penerusan bantuan yang telah diwujudkan sebelum ini manakala sebahagian lain baru diwujudkan hasil manifesto Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan yang telah dijan-

jikan dalam PRN ke-15 yang lepas.

Banyak lagi peruntukan lain yang diagihkan dalam pelbagai teras demi manfaat dan kesejahteraan rakyat termasuk untuk umat Islam, umat bukan Islam dan paling unik masyarakat Orang Asli yang dijadikan sebagai salah satu tema utama dalam Teras Kelapan. Rakyat perlu mengambil peluang ini untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negeri.

Belanjawan Negeri Sembilan 2024 juga memberi penekanan kepada nilai Malaysia Madani dengan peruntukan sebanyak RM0.50 juta untuk Program Pembangunan Karakter Bangsa di bawah Teras Dua Pendidikan dan Modal Insan.

Ini merupakan manifestasi penting bagi membangunkan anak negeri menjadi pemimpin dan warganegara yang mempunyai karakter dan nilai unggul demi kebaikan masa depan negeri dan negara.

Secara kesimpulan, apa yang penting adalah Belanjawan Negeri Sembilan 2024 adalah belanjawan yang inklusif untuk semua atau dalam erti kata lain meminjam tema Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu 'No one left behind'.


FIKIR LUAR KOTAK

AI Gelapkan masa depan belia?

FATULHAQIM ADNAN

KECANGGIHAN dan kepesatan AI (Artificial Intelligence) secara perlahan telah mengambil alih banyak bidang pekerjaan secara kita sedara mahupun tidak. Menurut kajian dari dunia perbankan dan pelaburan terkenal Goldman Sachs, Artificial Intelligence (AI) boleh menggantikan lebih kurang 300 juta pekerja sepenuhnya masa.

Pekerjaan yang boleh digantikan dengan AI ialah seperti perkhidmatan pelanggan, penyambut tetamu, akauntan, jurujual, operator gudang, juruwang dan pekerja kilang menurut kajian Universiti Nexford.



Ini boleh dilihat di mana sesetengah kilang terutamanya sektor automotif sudah banyak menggunakan robot untuk melakukan kerja-kerja pemasangan.

Begitu juga pusat mem-

beli belah dimana sudah mula menggunakan pengimbas layan diri dimana barang yang dibeli boleh dibayar sendiri menggunakan mesin bagi mengurangkan kejadian kecurian dan sekaligus menjimatkan kos.

Walaupun AI mewujudkan peluang pekerjaan serta membantu mengasah pekerjaan baharu.

Walaupun bagaimanapun, belia seharusnya perlu membiasakan diri dengan perubahan dengan sen-

Menurut kajian pekerjaan yang tidak akan terkesan dengan perkembangan AI ialah guru, pengarah urusan, sumber manusia, CEO, seniman dan penulis.

2.17 peratus pekerja generasi Z risau pekerjaan mereka akan diambil alih oleh AI. Namun, 29 peratus menganggap AI mewujudkan peluang pekerjaan serta membantu mengasah pekerjaan baharu.

Walaupun bagaimanapun, belia seharusnya perlu membiasakan diri dengan perubahan dengan sen-

tiassa menerima pembelajaran baharu, mempelajari kemahiran ihsaniah, tangkas dalam perubahan dalam mempelajari segala ilmu baharu, berkemahiran (skill) dan berpengetahuan tertentu.

Jika anda ada kepakaran dalam sesuatu bidang anda boleh membezakan dengan calon pekerja yang lain.

Dilaporkan bahawa sektor digital Malaysia memberikan sumbangna yang signifikan iaitu 23.2 peratus kepada keluaran Dalam Negara Kasar manakal impak ekonomi digital dijangka terus meningkat dan diunjurkan menyumbang sebanyak 25.5 peratus kepada ekonomi negara 2025 serta mewujudkan hingg 50,000 peluang pekerjaan.



Razi diserbu anak-anak Sungai Lui

Keriuhan dan kemeriahan terasa di dalam suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Terbuka Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam.

ADUN SUNGAI LUI, YB Mohd Razi Mohd Ali menghulurkan 'duit raya' kepada murid-murid sekolah tersebut.



Asna hadir Rumah Terbuka Aidilfitri Pejabat Daerah Seremban

ADUN LENGGENG, YB Dato' Mohd Asna Amin telah menghadiri Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri anjuran Pejabat Daerah dan Tanah Seremban di Seremban 2.

Turut hadir, Pegawai Daerah Seremban, Tuan Mohamad Najib Mustafa.



ADUN Nilai turun padang tinjau kawasan banjir

ADUN NILAI bersama petugas DUN meninjau beberapa kawasan di Seremban telah dinaiki banjir termasuk di Stesen KTM Seremban dan Happy Garden, Rahang yang berpunca dari air sungai yang berhampiran.



Laluan pejalan kaki berbumbung hubungkan Residensi Seremban Sentral-

Sebuah laluan pejalan kaki berbumbung akan dibina menghubungkan Residensi Seremban Sentral dan Stesen Keretapi Seremban yang baharu nanti.

Exco Pembangunan Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Pengangkutan Negeri Sembilan, YB J. Arul Kumar berkata, ini akan memudahkan dan menggalakkan penduduk Residensi Seremban Sentral pergi ke Stesen Keretapi Seremban dan menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam.



Suhaimizan berbuka puasa dengan penduduk Gemencheh

Pusat khidmat Rakyat DUN Gemencheh telah mengadakan program Berbuka Puasa Sekampung di Dataran Kampung Tengah yang dihadiri lebih 300 penduduk setempat.

ADUN GEMENCHEH, YB Suhaimizan Bizar berkata, Program Berbuka Puasa Sekampung ini mencatat sejarah kerana majlis seperti ini merupakan yang julung kalinya dibuat di Negeri Sembilan.

"Tanpa membezakan fahaman politik, penduduk setempat telah bergotong-royong menyediakan juadah sejak pagi sekali gus membuktikan program ini dapat mengeratkan perpaduan di kalangan penduduk.



Zunita ziarah keluarga kehilangan insan tersayang

ADUN PILAH, YB Noorzunita Begum Mohd Ibrahim menziarahi keluarga waris Allahyarham Sabaruddin Kamarudin dan waris keluarga Allahyarham Mohd Nasir Husin di Kampung Batu 46.

Beliau turut menziarahi keluarga Allahyarhamah Mariam Senawi di Kampung Batang Pilah.



Golongan asnaf dan warga emas terima sumbangan kewangan daripada Mohamad

AHLI PARLIMEN REMBAU, YB Dato' Seri Utama Mohamad Hasan menyampaikan sumbangan kewangan kepada golongan asnaf, warga emas dan NGO sempena sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

"Semoga sumbangan ini dapat meringankan tanggungan dan menceriakan penerima-penerima, Insya Allah," ujar Mohamad.



Warga emas dekat dihati Suhaimi

ADUN KOTA, YB Suhaimi Aini telah menyampaikan sumbangan keceriaan Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan sebanyak RM200 kepada 30 penerima warga emas di Balai Raya Kampung Sungai Layang.

"Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak menceriakan penerima warga emas ini," ujar Suhaimi.



Tengku Zamrah taja 45 kanak-kanak berkhatan secara percuma

Seramai 45 kanak-kanak dari keluarga kurang berkemampuan telah ditaja untuk berkhatan secara percuma oleh Pusat Khidmat Rakyat DUN Ampangan.

ADUN AMPANGAN, YB Tengku Zamrah Tengku Sulaiman berkata, kanak-kanak ini terdiri dari keluarga asnaf, keluarga B40, anak kepada ibu tunggal dan anak-anak Yatim di DUN Ampangan.



Timba pengalaman di Xi'an, China

AHLI PARLIMEN RASAH, YB Cha Kee Chin telah melawat Huawei Global Technical Support Centre (GTSC) di Xi'an, China.

Beliau berpeluang melawat dan diberikan penerangan oleh Pakar Huawei di GTSC.



Jualan Rahmah MADANI dapat sambutan masyarakat Linggi

Jualan Rahmah MADANI anjuran Pusat Khidmat Rakyat DUN Linggi KPDNKK dan MyDIN dapat sambutan masyarakat setempat di Pekan Pasir Panjang.

ADUN LINGGI, YB Dato' Mohd Faizal Ramli berkata, jualan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban perbelanjaan masyarakat setempat, terutamanya ketika sambutan bulan Ramadhan ini.



Rajasekaran mohon pra-sekolah diperluaskan di Port Dickson

ADUN Sri Tanjung, YB Dr.G.Rajasekaran memohon Pejabat Pendidikan Daerah Port Dickson memperluaskan pendidikan pra-sekolah di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Parlimen Port Dickson.



Bibi Sharliza rasmi Mesyuarat Persatuan Veteran Tentera

ADUN JUASSEH, YB Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid merasmikan Mesyuarat Agung Kali Ke-18 dan Penyampaian Sijil PJM Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Juasseh di Wisma Pahlawan Pekan Pelangai.



Terjumpa kawan lama di Rumah Terbuka Aidilfitri

"Saya telah menghadiri Majlis Rumah Terbuka Sambutan Hari Raya Aidilfitri DUN Pilah di Kompleks Rakan Muda, Kuala Pilah.

"Selain beramah mesra dengan rakan seperjuangan dan orang ramai, saya juga berkesempatan berjumpa dengan beberapa sahabat lama di majlis ini," kata **ADUN BAHAU**, YB Teo Kok Seong.



Nicole santuni lebih 500 warga emas

ADUN BUKIT KEPAYANG, YB Nicole Tan Lee Koon telah menyerahkan sumbangan keceriaan untuk warga emas RM200 di bawah inisiatif baharu Kerajaan Perpaduan Negeri Sembilan.

"Ada juga beberapa orang bertanya, mengapa saya tidak menyampaikan bantuan tersebut melalui akaun bank mereka.

"Saya menyatakan bahawa ini adalah medium untuk saya bertemu sendiri dengan penduduk DUN Bukit Kepayang dan beramah mesra dengan mereka," kata Nicole Tan.



Saiful Yazan diberi taklimat projek jalur lebar luar bandar

ADUN JOHOL, YB Saiful Yazan Sulaiman telah diberi taklimat berhubung projek jalur lebar Point of Presence (PoP) Fasa 2 peringkat Daerah Port Dickson oleh Konsortium Apex Communications-Privasat Sdn Bhd (KACP).

Sebanyak 200 perancangan PoP di kawasan sekolah yang telah dikenal pasti bagi Fasa 2 oleh pihak KACP. Setakat suku ke-4 tahun 2023, sebanyak 28 PoP telah dibangunkan oleh pihak KACP manakala baki 172 PoP yang lain sedang dalam peringkat pelaksanaan.



Gunasekaren bantu 300 keluarga kurang kemampuan sempena Aidilfitri

ADUN Seremban Jaya, YB P. Gunasekaran telah menyampaikan sumbangan barangan dapur dan 'Duit Raya' kepada 300 keluarga kurang berkemampuan di DUN Seremban Jaya.

"Sumbangan ini diserahkan kepada penerima dari rumah ke rumah.

"Semoga sumbangan ini meringankan beban dan memeriahkan lagi sambutan Aidilfitri," kata Gunasekaran.



Mohd Zaidy santuni bekas anggota polis

ADUN JERAM PADANG, YB Dato' Mohd Zaidy Abdul Kadir telah merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) Cawangan Daerah Jempol Kali Ke-47 di Dewan Terbuka Masjid Jamek Pekan Bahau.

"Sebagai tanda sokongan dan penghargaan di atas jasa bakti bekas anggota polis di daerah ini, saya menyalurkan sumbangan sebanyak RM2,000 untuk kebajikan ahli dan pentadbiran persatuan.

"Saya berharap sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu menjayakan aktiviti yang akan dianjurkan oleh persatuan bagi membantu anggotanya," kata Mohd Zaidy.



Kehadiran Ismail di majlis perkahwinan memeriahkan majlis

ADUN SENALING, YB Dato' Ismail Lasim berkesempatan menghadiri majlis perkahwinan anak kepada Encik Razman Matsil dan Puan Rosminah Baharuddin di Dewan KPDNHEP, Kuala Pilah.

Beliau juga meluangkan masa hadir di majlis perkahwinan Saudara Zainal Abidin Yassin dan Puan Khadijah Hashim di Seri Menanti Resort.

Cetusan Minda: Pendidikan nadi kejayaan Malaysia Madani

Perjuangan memandatkan anak bangsa melalui pendidikan merupakan perjuangan yang sangat sinonim dan dekat dengan Perdana Menteri Ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim; sejak zaman mudanya sehingga beliau dinobatkan sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Seawal Mac 1971, beliau dan teman-teman siswazah tempatan telah pun menubuhkan Yayasan Anda Akademik bagi menyediakan peluang belajar kepada pelajar dari sekolah bantuan penuh kerajaan yang tidak bemasib baik untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dato' Seri Anwar telah menggagaskan sebuah wawasan dan gagasan (WAGAS) yang sangat penting untuk memacu pembangunan masa depan negara dan rakyat Malaysia iaitu Malaysia Madani di mana WAGAS ini berhasrat memastikan pembangunan yang seimbang antara pembangunan fizikal dan pembangunan nilai.

Secara ringkasnya, beliau mahu bangunkan manusia dan kemanusiaan iaitu Malaysia yang makmur dengan rakyatnya mempunyai akhlak manusiawi yang tinggi.

Tidak hairanlah dokumen Falsafah Pendidikan Negara bagi melahirkan insan seimbang digubal ketika beliau menjadi Menteri Pendidikan.

Dato' Seri Anwar yakin dan konsisten bahawa agenda besar ini tidak akan terealisasi melainkan dengan menjadi agenda pendidikan sebagai terasnya.

Justeru ITU, bagi menggalakan amanah yang berat ini, beliau telah mentaklifkan menteri pendidikan kepada anak kepada tokoh pendidikan dan kemasyarakatan terkenal iaitu YB Fadhlina Siddiq Fadzil.

Dato' Seri Anwar turut mencatat sejarah apabila memperuntukkan peruntukkan terbesar untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam Belanjawan 2024 iaitu mencecah RM58.7 bilion.

Dato' Seri Anwar turut memahami agenda pendidikan di sekolah tidak akan berjalan lancar jika persoalan asas seperti kemudahan tandas yang rosak tidak ditangani.

Justeru itu, beliau mengambil tindakan yang pastinya akan diingati oleh warga pendidikan apabila memberikan peruntukkan segera membaiki tandas sekolah dan Menteri KPM lantas menyalurkan RM70,000 untuk setiap sekolah bagi membaiki tandas yang rosak dalam tempoh tiga bulan.

Tindakan praktikal ini merupakan manifestasi yang sangat jelas bahawa pembinaan sebuah tamadun yang hebat bermula dengan pendidikan di sekolah dan sekolah yang hebat bermula dengan kemudahan asas tandas yang bersih dan elok. Dengan amanah yang digalakan kepada pundak YB Fadhlina oleh Dato' Seri Anwar, ia memberikan satu penanda aras yang berat untuk dibuktikan oleh YB Fadhlina untuk tempoh setahun ini.

YB Fadhlina yang sangat menjivai Malaysia Madani dan aspirasi Dato' Seri Anwar tidak mengambil masa yang lama untuk menghadam dan merealisasikan Malaysia Madani melalui pendidikan.

YB Fadhlina sejak hari-hari awal beliau di KPM telah mula memperkenalkan dan merealisasikan konsep karamah (kemuliaan) insaniah dan pendidikan manusiawi.

Sejurus mengangkat sumpah, dalam sidang media pertamanya, beliau telah berikrar untuk memastikan persekitaran murid yang ceria, guru bahagia dan sekolah bitara.

Pembinaan karakter murid menjadi agenda utama beliau selaras dengan matlamat pendidikan untuk melahirkan insan yang seimbang.

Pendidikan juga dijadikan suatu agenda yang dapat diakses oleh semua rakyat Malaysia tanpa seorang pun tertinggal sebagai prasyarat kecemerlangan pada masa hadapan sebagaimana yang diungkapkan oleh aktivis kulit hitam terkenal Amerika, Malcolm X, "Education is the passport to the future, for tomorrow belongs to those who prepare for it today."

Menjadi Menteri KPM bukanlah suatu perkara yang mudah kerana harapan dan tekanan yang tinggi didambakan oleh rakyat Malaysia. Mata rakyat Malaysia sering tertumpu kepada Menteri KPM.

Namun dalam tempoh setahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani, YB Fadhlina telah dilihat ke hadapan mengambil inisiatif meluaskan sekolah model khas komprehensif (K9) dan pelaksanaan sekolah model khas komprehensif (K11) bagi menangani isu keciciran murid sewaktu transisi dari Tahun Enam ke Tingkatan Satu dan mengurangkan kadar keciciran murid sewaktu transisi dari peringkat pendidikan menengah rendah ke peringkat menengah atas terutamanya dalam kalangan pelajar Orang Asli atau Orang Asal dan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Selain itu, YB Fadhlina tekad menggandakan program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi membekalkan makanan berkhasiat kepada pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan sekaligus menggalakkan kehadiran mereka ke sekolah.

Setakat awal November 2023, program ini telah memanfaatkan

762,244 orang murid melebihi bilangan sasaran 700,000 orang murid yang ingin dicapai oleh KPM pada tahun 2023.

45 projek ubah suai dan naik taraf sekolah daif pada tahun 2023 merupakan satu lagi agenda utama YB Fadhlina selaras dengan hasrat Dato' Seri Anwar.

la bagi memastikan keselesaan dan keselamatan murid dan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Di sebalik kekangan pendapatan negara dan kekurangan yang ada, Dato' Seri Anwar dan Kerajaan Malaysia Madani tetap memberikan fokus dan peruntukkan belanjawan yang signifikan kepada agenda pendidikan negara kerana pendidikan dan pembinaan karakter anak bangsa dengan nilai-nilai luhur watani telah menjadi sebatik dalam darah daging perjuangan beliau semenjak muda bagi mengangkat kemuliaan insaniah.

la bukan sekadar retorik tetapi perniagaan dan perjuangan perlaksanaan kata-kata.

Pastinya empat tahun mendatang, isu prasarana asas sekolah dan mutu pendidikan akan terus menjadi keutamaan pentadbiran Dato' Seri Anwar.



DR. JUFITRI JOHA

Perunding Unit Pembangunan Insan (UPI) Yayasan Negeri Sembilan (YNS)

Alumni DISERU bantu SK Kampung Sawah

CHUAH: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun menggesa alumni Sekolah Kebangsaan Kampung Sawah, Chuah agar membantu sekolah tersebut dalam aspek yang memerlukan.

"Ramai alumni sekolah ini yang sudah berjaya dalam karier.

"Ada yang berjawatan pengarah DG 52, DG 54. Ada yang dah menjadi doktor, pensyarah, jurutera dan ahli perniagaan.

"Jangan hanya serahkan pembangunan pendidikan kepada kerajaan sahaja.

"Ingatlah jasa guru-guru yang mendidik kita di sekolah ini dan bantulah sekolah ini apabila memerlukan," kata Aminuddin.



Eksplotasi seksual murid: Jangan 'sweep under the carpet'



SEREMBAN: Kementerian Pendidikan akan memastikan ekosistem sekolah selamat dan pelajar dilindungi daripada eksploitasi seksual.

Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek berkata, beliau menekankan guru ialah orang pertama yang dapat kenal pasti apabila berlakunya perubahan fisiologi dan tingkah laku pada murid.

"Guru-guru mesti melaporkan kepada pihak autoriti jika kes sedemikian berlaku.

"Mereka tidak boleh 'sweep under the carpet'.

"Sesungguhnya, di peringkat KPM kita mempunyai satu agenda besar iaitu sekolah selamat dan segmen penting yang terkait rapat dengan perlindungan kanak-kanak itu sendiri," ujarnya.

Fadhlina berkata, bagi memastikan inisiatif ini mengikut lunas undang-undang, sebuah Konvensyen Kebangsaan Perlindungan Murid

daripada Eksplotasi Seksual akan dianjurkan dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri pada 16 Mac ini di Shah Alam, Selangor.

"Sebab itulah konvensyen pada hari Sabtu ini cukup signifikan.

"Terdapat tiga akta penting yang berkaitan, iaitu Akta Kanak-kanak, Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak dan Akta Saksi Kanak-kanak.

"Sebab itu saya fikir Kementerian Pendidikan harus menerajui inisiatif ini dalam konteks memastikan ekosistem Sekolah Selamat itu.

"Semua ini memerlukan sokongan ekosistem yang kuat dari segi undang-undang termasuklah komitmen untuk kita memberikan kesedaran kepada guru dan anak murid kita khususnya," jelas Fadhlina.

SMK Tuanku Ampuan Najihah, Sekolah Seni Ke-6 di Malaysia

SEREMBAN: Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Ampuan Najihah menjadi Sekolah Seni Ke-6 di Malaysia dengan jenama 'Nogho Arts School'.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, Sekolah Seni Malaysia ditubuhkan untuk memberikan peluang dan ruang kepada anak-anak muda Malaysia untuk berkarya dalam bidang seni dan tidak hanya bergantung kepada kerjaya tertentu sahaja sebaliknya mereka boleh membentuk kerjaya dalam bidang seni.

"Terdapat empat bidang pengajian di Sekolah Seni Malaysia bagi menengah rendah (Tingkatan 1, 2 dan 3) iaitu Muzik, Seni Visual, Tari dan Teater.

"Manakala enam bidang pengkhususan bagi murid di peringkat menengah atas (Tingkatan 4 dan 5) iaitu, Muzik, Seni Halus, Reka Bentuk, Komunikasi Visual, Tari dan Teater.

"Saya juga berharap seni budaya Negeri Sembilan (tarian dan muzik) dapat dipelihara sampai bila-bila," kata Aminuddin di Majlis Pendaftaran Murid Tingkatan 1 SMK Tuanku Ampuan Najihah 'Nogho Arts School' di sini.

SMK Tuanku Ampuan Najihah juga mencipta sejarah apabila kali pertama menerima pengambilan pelajar lelaki (Tingkatan 1) pada tahun ini.



RM11.8 Juta Untuk Sektor Pendidikan Bagi Tahun 2024



CHUAH: Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM11.8 juta menerusi Belanjawan 2024 untuk sektor pendidikan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, peruntukan ini termasuk Bantuan Anak Sekolah sebanyak RM900,000, Biasiswa Anak Negeri RM800,000, Bantuan Sekolah Tahfiz dan Swasta RM2 juta dan Program Fast Track Lepasan Tahfiz RM500,000.

"Bagi anak-anak Negeri Sembilan di universiti yang kurang berkemampuan, Kerajaan Negeri menerusi Yayasan Negeri Sembilan (YNS) menawarkan bantuan sara hidup sebanyak RM150 sebulan. "Sekiranya anak-anak ini memerlukan

komputer riba untuk penjagaan mereka, YNS juga menawarkan komputer riba percuma mengikut spesifikasi atau keperluan bidang pengajian mereka.

"Bagi siswazah cemerlang kelas pertama, YNS juga memberikan insentif sebanyak RM5,000," kata Aminuddin.

Aminuddin berkata demikian di Majlis Apresiasi Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan Kampung Sawah bagi tahun 2022/2023.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Chuah, YB Yew Boon Lye.

Pemimpin pelajar SMKA seluruh negara berkampung di Negeri Sembilan

Kementerian Pendidikan telah menganjurkan program Bicara Tokoh sempena Kem Generasi Madani SMKA Seluruh Malaysia di Klana Resort, Seremban.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, beliau yakin dengan

kelangsungan program ini bakal melahirkan insan yang bakal membawa gagasan Malaysia Madani dan memupuk semangat perpaduan serta keharmonian hidup bersama masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dan agama.



Anak Negeri Sembilan dari USM bantu tingkatkan akademik pelajar sekolah

GEMENCHEH: Perkumpulan Mahasiswa Mahasiswi Anak Negeri Sembilan (PERMANIS) dari Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan satu program bagi meningkatkan semangat kekeluargaan dan pendidikan di komuniti setempat.

Program Jejak Waghiah Siswa Ramadhan 2024 (JEWASIR'24) telah diadakan selama tiga hari di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohd Taha dan Masjid Al-Syakirin, Gemencheh.

Program ini telah melibatkan pelajar dan warga setempat dalam rangkaian aktiviti pendidikan dan keagamaan. Program ini menampilkan

pelbagai kegiatan yang bertujuan untuk mengintegrasikan nilai murni dan memperkuat hubungan antara mahasiswa dengan komuniti. Antara kegiatan yang dijalankan adalah sesi bimbingan akademik pasca-SPM/STPM, perkenalan kepada program pendidikan yang ditawarkan oleh USM, gotong-royong memasak untuk iftar, serta sesi membersihkan masjid dan kawasan perkuburan.

Kehadiran dan sokongan dari Yayasan Negeri Sembilan juga memberikan nilai tambah dengan memberikan informasi tentang bantuan pendidikan dan peluang kerjaya kepada peserta yang hadir.

Dengan kejayaan yang dicapai, pihak penganjur berharap dapat meneruskan program ini pada masa depan, dengan tujuan mengembangkan lagi pengaruh positif kepada lebih banyak komuniti.

Salah seorang peserta, Cik Aishah berkata, pelajar dan komuniti mendapat manfaat besar daripada program ini, khususnya dalam aspek keilmuan dan kerohanian.

"Program seperti JEWASIR'24 ini sangat penting untuk memupuk semangat ukhuwah dan kesedaran sosial di kalangan generasi muda," katanya.





KEMERIAHAN RAMADHAN DAN SYAWAL DI NEGERI SEMBILAN



Manta Raya
NS24
07 APRIL 2024, AHAD | 07:00 PA
MASJID DATO' KLANA PETR
LELA MOHD YUSOF SIKAMA
SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN





Loji Janakuasa Biojisim Nestle bernilai RM18 juta di Chembong

CHEMBONG: Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun telah merasmikan Loji Janakuasa Biojisim Nestle bernilai RM18 juta di Chembong.

Aminuddin berkata, Kerajaan telah menetapkan sasaran tinggi bagi mencapai pembangunan lestari dan ekonomi rendah karbon, termasuk pengurangan keamatan emisi gas rumah hijau sebanyak 45 peratus menjelang 2030.

Saya berharap agar dengan pembinaan Loji Janakuasa Biojisim seperti yang dilakukan oleh pihak Nestle, ia akan menjadi contoh bagi mana-mana industri selepas ini untuk

pihak kerajaan menjayakan usaha tersebut.

"Saya amat yakin, terdapat banyak lagi teknologi tenaga hijau yang boleh digunakan oleh pihak industri bagi mendukung usaha murni pihak kerajaan.

"Sebagai kilang MILO terbesar di peringkat global, kehadiran Nestlé ternyata mengukuhkan sektor perindustrian Negeri Sembilan.

"Malah, kami berbangga untuk menempatkan sebuah kilang yang bukan sahaja dikendalikan secara keseluruhannya

oleh tenaga kerja warga Malaysia, tetapi juga menghasilkan produk buatan Malaysia dengan sijil Halal yang dikilangkan secara lestari untuk dinikmati oleh pengguna samada di dalam dan di luar Malaysia," kata Aminuddin.



PMX lawat Siemens Energy di Jerman

BERLIN: Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan delegasi Malaysia telah mengadakan lawatan ke Siemens Energy di ibu negara Jerman pada Isnin.

Anwar berkata, beliau dan delegasi Malaysia berpeluang melihat dengan lebih dekat operasi kilang

ini sebelum sesi perbincangan lanjut bersama pengurusan tertinggi diadakan.

"Sebagai rekod, Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Siemens Energy memeterai memorandum persefahaman untuk memulakan pembangunan hidrogen hijau pada tahun lalu.

"Ia bertujuan untuk mempercepatkan penyahkarbonan jana kuasa termal TNB, menggunakan hidrogen hijau yang dihasilkan daripada sumber tenaga boleh baharu," katanya.

Siemens Energy yang merupakan salah satu syarikat teknologi tenaga utama dunia.

Kunjungan Anwar disertai Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, YB Dato' Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Dato' Ewon Benedick.



Pelabuhan berteknologi AI PERTAMA di Negeri Sembilan

SEREMBAN: Negeri Sembilan bakal memiliki sebuah pelabuhan kontainer di sepanjang persisiran pantai Kuala Sungai Linggi, Port Dickson.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri

Utama Aminuddin Harun berkata, pelabuhan ini akan mempunyai jeti sepanjang 1.8 kilometer panjang serta terminal dan kawasan pengoperasian kontena seluas lebih kurang 200 ekar yang dilengkapi sepenuhnya dengan kren gantry yang

akan dioperasikan secara automatik.

"Kawasan pelabuhan yang akan dibangunkan ini juga telah diwartakan sebagai Had Pelabuhan (Port Limits) oleh Kerajaan Persekutuan sejak Ogos 2017.



Negeri Sembilan bakal miliki pelabuhan kontainer pertama

"Dalam masa sama, pelabuhan kontainer ini akan dilengkapi dengan teknologi Artificial Intelligence (AI) sekali gus menjadi pelabuhan pertama di negara ini yang akan menggunakan AI.

"Selain itu, dengan wujudnya pelabuhan ini akan menjadikan Port Dickson bukan sahaja Bandar Tentera Darat tetapi akan dikenali sebagai Bandar Pelabuhan Baharu," kata Aminuddin.

Aminuddin turut tambah, pembukaan kawasan pelabuhan baharu itu juga

akan turut memberikan peluang pekerjaan sehingga 5,000 kekosongan jawatan.

"Ia turut memberi manfaat kepada kawasan perindustrian berdekatan sekitar Sepang, Senawang, Nilai dan Melaka.

"Pelabuhan ini melibatkan pelaburan daripada pihak swasta kerana kawasan tanah yang dibangunkan untuk dijadikan pelabuhan tersebut adalah tanah persendirian," ujarnya lagi.

LENSA EKONOMI: Inklusif dalam Belanjawan Negeri Sembilan 2024



MOHD FAUZI FADZIL
Ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Belia Malaysia

Kerajaan Negeri Sembilan yang baru dibentuk selepas Pilihan Raya Negeri (PRN-15) baru-baru ini telah berjaya membentangkan belanjawan bagi tahun 2024 dengan tema 'Bersama Membina Negare Madani'.

Rangka belanjawan tersebut adalah berdasarkan manifesto Aspirasi Perpaduan yang telah diumumkan semasa kempen PRN yang lepas.

Belanjawan Negeri Sembilan memperuntukkan RM555 juta secara keseluruhan untuk dibelanjakan sepanjang tahun 2024 oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

Sesuatu yang harus dibanggakan dalam belanjawan ini adalah peruntukan pembangunan Negeri Sembilan (25 peratus) untuk tahun 2024 adalah mendahului peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan (22.8 peratus) iaitu sebanyak 2.2 peratus.

Keadaan ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Sembilan yang tidak berbelah bahagi untuk memastikan pembangunan infrastruktur sentiasa menjadi keutamaan.

Belanjawan Negeri Sembilan 2024 menumpukan perhatian terhadap sembilan teras utama untuk dibangunkan, sekali lagi secara perbandingan fokus Belanjawan Negeri Sembilan 2024 mendahului Belanjawan Kerajaan Persekutuan yang hanya memberi fokus kepada tiga tumpuan utama.

Belanjawan Negeri Sembilan 2024 dianggap inklusif kerana terdapat enam golongan yang menerima manfaat secara terus seperti bayi, pelajar sekolah, pelajar institut pengajian tinggi, belia yang mendirikan rumah tangga, ibu tunggal dan warga emas.

Pembahagian peruntukan secara inklusif ini adalah sama seperti yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor, namun kerajaan Negeri Sembilan dapat melaksanakan perkara yang sama dengan peruntukan yang lebih sedikit berbanding kerajaan Negeri Selangor (nilai belanjawan Negeri Sembilan adalah suku daripada belanjawan Negeri Selangor).

Belanjawan secara berhemah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sembilan telah menunjukkan hasil yang positif apabila jumlah pelaburan di Negeri Sembilan pada tahun 2022 mencatatkan jumlah tertinggi dalam tempoh tujuh tahun dengan jumlah sebanyak RM8.9 bilion.

Jumlah pelaburan yang tinggi ini menunjukkan keyakinan para pelabur kepada kestabilan ekonomi, politik dan sosial di Negeri Sembilan, hasil belanjawan secara berhemah.

Semoga Belanjawan Negeri Sembilan 2024 mampu untuk meneruskan kecemerlangan yang telah dicapai dari segi pembangunan dan kesejahteraan.

Malaysia Airlines untung buat kali pertama sejak 2010

FAIZ ABDULLAH

Malaysia Aviation Group (MAG) mencatat untung bersih buat kali pertama sejak 2010 sebanyak RM766 juta bagi tahun 2023 berbanding kerugian bersih RM344 juta pada tahun 2022.

MAG turut merekodkan keuntungan operasi sebanyak RM889 juta berbanding RM540 juta pada tahun 2022 dan ini merupakan peningkatan sebanyak 64 peratus.

Simpanan tunai MAG pula berjumlah RM4.3 bilion setakat 31 Disember 2023 tanpa menerima suntikan modal daripada Khazanah Nasional Bhd sejak Oktober 2021.

Khazanah Nasional ialah pemegang saham tunggal Malaysia Airlines melalui anak syarikatnya MAG.

Keuntungan MAHB meningkat

Sementara itu, keuntungan bersih Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) pula meningkat kepada RM543.17 juta pada tahun 2023 berbanding RM187.20 juta pada tahun 2022; hasil pendapatan yang lebih tinggi.

Seiring dengan kenaikan pergerakan penumpang, hasil pendapatan melonjak sebanyak 57.2 peratus kepada RM4.91 bilion bagi tahun kewangan 2023 berbanding

RM3.13 bilion pada tahun 2022.

Hasil daripada Operasi lapangan terbang menyumbang RM4.60 bilion dengan kenaikan 60.6 peratus manakala segmen aeronautik meningkat kepada RM2.70 bilion.

Trafik penumpang juga menunjukkan peningkatan yang ketara apabila mencecah 81.9 juta penumpang berbanding 52.7 juta penumpang pada tahun 2022.

Kilang pembuatan peluru pertama N9 bakal dibangunkan



SEREMBAN: Sebuah kilang pembuatan peluru pertama di Negeri Sembilan bakal di bangunkan di Senaling.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, kilang pembuatan peluru berkaliber kecil itu akan diuruskan oleh syarikat Myaltyech Sdn. Bhd.

"Pembinaan kilang ini secara tidak langsung dapat membantu memenuhi kebergantungan

Malaysia terhadap import produk bahan api.


"Ia juga dapat mengawal ketidaktentuan harga yang ditentukan oleh pengeluar bahan api dunia.

"Pembinaan kilang ini juga membolehkan banyak peluang pekerjaan ditawarkan sekaligus meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat setempat," kata Aminuddin.

FAKTA NEGERI SEMBILAN



Penduduk mengikut jantina, bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar serta bilangan dan kadar kematian mengikut daerah pentadbiran.



Nota:
1. Berdasarkan data Banci Malaysia 2020.
2. Nilai tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
3. Kadar adalah bagi setiap 1,000 penduduk.

Sumbangan ilmu tasawuf dalam perpaduan dan keharmonian umat Islam di Malaysia

Perpaduan dan keharmonian ummah adalah suatu tuntutan dalam Islam kerana ia memberi kesatuan dan kekuatan kepada Islam.

Sebaliknya, perbalahan dalam kalangan umat Islam akan memberi kesan yang buruk terhadap kesatuan ummah dan agama Islam.

Salah satu faktor atau punca utama kepada perpecahan umat Islam bermula daripada aspek dalaman atau kerohanian, yakni akhlak buruk yang menjadi sifat diri mereka.

Sifat-sifat keji seperti hasad, dengki, tamak dan suka mengumpat antara lain menjadi penyebab kepada munculnya berbagai perbuatan dan tingkah laku keji yang boleh merosakkan keharmonian perpaduan dan situasi yang tidak tenang dalam masyarakat.

Umat Islam perlu memperbaiki dari aspek batin, yakni hati mereka, dengan menghayati sifat-sifat mulia, yang akan menjadi landasan hormat menghormati dan saling menyantuni antara sesama Muslim.

Penghayatan sifat-sifat terpuji ini juga dapat menghindari sifat mazmumah dalam diri umat Islam.

Oleh kerana itu, perpaduan dan keharmonian ummah bergantung pada akhlak yang mulia dan keperibadian yang suci.

Usaha untuk mendidik jiwa dan mencapai kemuliaan akhlak tidak cukup dengan penguatkuasaan undang-undang dan hukuman semata-mata.

Hal ini memerlukan kepada semangat individu untuk berjuang melawan hawa

nafsu, membersihkannya dari sifat-sifat tercela dan mengembangkan sifat-sifat terpuji.

Antara kaedah untuk mengatasi perpecahan umat yang berlaku pada hari ini, umat Islam memerlukan ilmu yang menjangkau aspek rohani dan akhlak manusia.

Dalam hal ini, ilmu tasawuf sesuai untuk tujuan ini kerana difokuskan pada pengajaran, pendidikan dan pembinaan sifat jiwa dan hati umat Islam.

Ilmu tasawuf juga mengajarkan konsep amalan yang baik yang meliputi aspek zahir dan batin.

Amalan zahir adalah tindakan fizikal seperti ibadah, muamalah dan perbuatan mahmudah dalam kehidupan seharian.

Kebersihan batin adalah melibatkan pembaikan dalaman seperti niat ikhlas, iman dan pengendalian sifat-sifat jiwa yang terpuji. Dalam pandangan tasawuf, kedua aspek ini saling melengkapi untuk mencapai kesempurnaan manusia.

Penghayatan al-Ihsan atau kesempurnaan juga menjadi fokus dalam ilmu tasawuf.

Ini melibatkan ibadah dan amalan yang dilakukan dengan kesedaran kehadiran Allah, sehingga manusia dapat merasakan dekat dengan-Nya. Melalui proses tazkiyat al-nafs dan tajalli, manusia dapat mencapai keadaan jiwa baru yang lebih terang dan bersifat kamil, atau sempurna.

Hal ini penting dalam membentuk manusia yang bertakwa, berakhlak mulia dan bersifat optimis, serta menjauhi perbuatan buruk dan mungkar. Dengan tercapainya kebersihan batin

dan hati maka tercapailah apa yang disebut sebagai tasawuf.

Secara keseluruhan, ilmu tasawuf memainkan peranan yang penting dalam mencapai kesempurnaan agama dan menjaga perpaduan serta keharmonian ummah Islam.

Melalui penghayatan ajaran tasawuf, umat Islam dapat menjadi manusia yang bertakwa, berakhlak mulia dan menyatu dalam memelihara agama dan peradaban Islam.

Justeru itu, ilmu tasawuf harus 'dihidupkan' kembali dan diperkenalkan ke dalam masyarakat secara meluas agar ia boleh kembali berperanan dalam membina semua jiwa umat Islam dengan akhlak yang terpuji dan seterusnya menjadi asas kepada perpaduan dan keharmonian dalam umat Islam.



YB SS PROF. MADYA DATO' DR. FAUDZINAIM BADARUDDIN
Mufti Kerajaan Negeri Sembilan



Masjid pertama guna tenaga solar di Negeri Sembilan

AMPANGAN: Masjid Jamek Dato' Klana Petra Sendeng menjadi rumah ibadat pertama di Negeri Sembilan yang menggunakan teknologi solar.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, usaha menggunakan tenaga hijau akan terus dipergiatkan bagi menjurus ke arah gaya hidup hijau dan keseimbangan alam.

"Sistem panel solar ini dapat menjana sebanyak 26,000 kilowatt jam tenaga boleh baharu. "Ia juga dijangka dapat memberikan penjimatan kos utiliti masjid sebanyak RM14,000 secara tahunan.

"Di pihak Kementerian Sumber Asli mensasarkan sebanyak 25 buah rumah ibadat pada setiap tahun untuk bergerak ke arah teknologi hijau.

"Buat masa ini kita sudah memiliki 12 rumah ibadat dan mempunyai 58 lagi dalam permohonan," kata Nik Nazmi.

Bantuan Perkahwinan RM500
setiap belia berumur 18 - 35 tahun yang mendirikan rumahtangga kali pertama.

www.n9.digital / Aplikasi N9 Digital

YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

Jabatan Mufti Negeri Sembilan perkenal jualan buku secara dalam talian

SEREMBAN: Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah mengorak langkah pertamanya dengan membangunkan Sistem Jualan Buku dan Pengurusan Stok Secara Dalam Talian yang melibatkan penjualan buku-buku terbitan Jabatan Mufti Negeri Sembilan.

Mufti Kerajaan Negeri Sembilan YB SS Prof. Madya Dato' Dr.Fauzainaim Badaruddin berkata, ini selari dengan Dasar Digital Negara yang menggalakkan semua agensi kerajaan menggunakan aplikasi digital termasuk

institusi agama seperti Jabatan Mufti. "Saya dimaklumkan Sistem Jualan Buku Atas Talian di bawah Jabatan Mufti adalah yang pertama dibangunkan di kalangan Jabatan-Jabatan Mufti di Malaysia. "Usaha-usaha dalam pembangunan sistem ini telah dimulakan sejak tahun 2021 dan telah siap untuk digunakan pada Februari 2024 yang lalu.

"Pustaka Hikmah adalah nama kedai buku dalam talian (online) bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan yang bukan

sekadar menjadi tempat untuk mendapatkan bahan bacaan, tetapi juga pusat ilmu pengetahuan yang bersifat up to date (semasa) yang akan menjadi rujukan bagi masyarakat Negeri Sembilan khususnya dan Malaysia amnya," kata Fauzainaim di Majlis Sambutan Ramadhan 1445H dan Pelancaran Sistem Buku Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.



Tuduhan Liwat Dan Qazaf Menurut Perspektif Undang Undang – Siri 1



ZULKIFLI HASAN (PH.D)
Timbalan Menteri Agama,
Jabatan Perdana Menteri

Beberapa Persoalan Mengenai Kesalahan Qazaf dan Kaitannya Dengan Tuduhan Liwat.

Persoalan demi persoalan ditimbulkan mengenai kes Qazaf ini dan ini merangkumi aspek hukum syarak dan undang-undang. Antara yang menjadi persoalan utama adalah berkenaan dengan kerelevanan Qazaf dalam kes melibatkan tuduhan liwat sama ada menurut perspektif Syariah mahupun undang-undang yang diperuntukkan di bawah enakmen negeri-negeri.

Masyarakat juga ingin tahu mengenai prosiding kes Qazaf di Mahkamah Syariah dan bagaimanakah Mahkamah boleh membicarakan dan mendengar kes seumpama ini. Ini merupakan antara beberapa persoalan yang menjadi perbincangan dan

perdebatan di mana sekiranya tidak ditangani dengan baik akhirnya boleh menimbulkan pelbagai spekulasi dan kekeliruan.

Berikutan dengan perkembangan dan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah dalam isu Qazaf, ia telah menimbulkan persoalan yang signifikan dari sudut hukum syarak dan undang-undang.

Persoalan-persoalan ini boleh dirumuskan kepada lima isu utama iaitu:

- (i) Apakah Perspektif Hukum Syarak Mengenai Qazaf Dalam Kes Tuduhan Liwat?
- (ii) Apakah Menuduh Orang Lain Melakukan Liwat Secara Paksa Dianggap Qazaf?
- (iii) Adakah Qazaf Masih Relevan Dalam Kes Tuduhan Liwat Terhadap Seseorang yang Telah Disabitkan Kesalahan Seks Luar Tabii di Mahkamah Sivil?
- (iv) Adakah Peruntukan Undang-undang Mengenai Qazaf Merangkumi Kesalahan Menuduh Orang lain melakukan Liwat atau Ia Terhad Hanya Pada Kesalahan Zina?
- (v) Apakah Prosiding Qazaf Dalam Kes Tuduhan Seseorang Melakukan Liwat?

Apakah Perspektif Hukum Syarak Mengenai Qazaf Dalam Kes Tuduhan Liwat?

Qazaf merupakan sesuatu kesalahan yang unik dan berlainan dengan kesalahan jenayah Syariah yang lain dalam Islam. Ia bertujuan untuk melindungi maruah dan kehormatan seseorang yang menjadi antara salah satu aspek utama yang perlu dipelihara dalam prinsip maqasid Syariah.

Pengajaran mengenai Qazaf ini diriwayatkan secara terperinci dalam peristiwa Ifk di mana kesalahan Qazaf ini dianggap bukan sahaja malahan memberikan impak yang begitu besar dan ini termasuk implikasi kesaksian seseorang yang tidak diterima selama-lamanya.

Allah SWT berfirman di dalam al Quran:

"Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka sebatlah mereka (yang menuduh itu) 80 kali sebatan dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik."

~ Surah al-Nur 24: 4-5

Qazaf secara umumnya merujuk kepada tuduhan ke atas seseorang yang baik akhlaknya dengan berzina, atau menafikan keturunannya yang sah. Qazaf merupakan salah satu daripada kesalahan hudud dan sesiapa disabitkan dengan kesalahan ini boleh di hukum had.

Berkenaan dengan kesalahan zina dan liwat berkaitan Qazaf, jumhur termasuk mazhab Shafii berpandangan bahawa liwat adalah hudud dan pesalah boleh dikenakan hukuman had zina. Menurut pendapat fuqaha' mazhab Syafi'i, dalam kitab Fiqh al Manhaji menyebut Liwat 3 adalah persetujuan pada dubur baik yang disetubuhi itu lelaki mahupun perempuan.

Menurut pendapat yang sahih, hukum perbuatan ini ialah hukum zina bagi pelaku sekiranya wujud bukti dan pengakuan (Mustafa al Bugha, 1990). Wahbah Zuhaili juga berpandangan bahawa Qazaf meliputi tuduhan zina dan liwat, dengan lafaz yang jelas (Zuhaili, 2006: 380. Lihat juga Abdul Qadir Audah, (2008: 463)).

Berbanding dengan pandangan, hanya Imam Abu Hanifah yang berpandangan bahawa liwat tidak diwajibkan hukuman had ke atas kedua-dua pelaku liwat dan penerimanya sama ada lelaki

atau perempuan. Merujuk kepada kesalahan Qazaf dalam pertuduhan liwat, majoriti fuqaha daripada empat mazhab berpendapat bahawa liwat adalah sama sahaja dengan zina.

Tuduhan liwat ke atas seseorang mengikut Imam Malik, Imam Shafi'i dan Imam Ahmad sama dengan menuduh seseorang melakukan zina kerana liwat adalah zina dan peliwat adalah penzina sama ada ia sebagai pelaku atau penerima perlakuan itu, sama ada ia lelaki atau perempuan.

Sekiranya jika disabitkan dengan kesalahan Qazaf menerusi tuduhan liwat maka si pesalah boleh dikenakan hukuman had bagi kesalahan Qazaf. Imam Abu Hanifah pula berpandangan bahawa tuduhan liwat termasuk dalam hukuman takzir kerana beliau berpendapat bahawa liwat bukannya zina, justeru tuduhan liwat tidak dikira sebagai tuduhan zina (Hanafi, 1970: 262).

Dalam isu ini, pendekatan Mahkamah Syariah kebiasaannya mengutamakan pandangan jumhur dan mazhab Shafii. Oleh itu, tuduhan liwat juga boleh ditafsirkan untuk merangkumi tuduhan zina dan Qazaf.

UiTM dan ICU bantu tingkatkan potensi Agro-pelancongan di Gemas



GEMAS: Kerajaan Negeri Sembilan mengalu-alukan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) bagi mengembangkan potensi agropelancongan di Kampung Londah, Gemas.

Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Veerapan Superamiam berkata, Kampung Londah

mempunyai banyak potensi-potensi lain yang boleh dikembangkan terutamanya dalam sektor agropelancongan.

“Tidak jauh dari sini, kampung ini mempunyai sebuah sawah yang indah.

“Sawah padi di sini diusahakan sendiri oleh penduduk setempat dan mampu dituai setahun dua kali.

“Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, para pengusaha sawah hanya mampu untuk menuai setahun sekali, kata Veerapan.

Menurut Veerapan, kampung ini juga mempunyai sumber alam semula jadi yang unik seperti udang galah dan ikan baung.

“Dua hasil alam ini merupakan kandungan

utama dalam hidangan tradisional negeri ini iaitu udang galah masak lemak dan ikan baung salai masak lemak.

“Walau bagaimanapun, hasil alam ini semakin lama semakin berkurangan dan menjejaskan pendapatan para nelayan darat yang terdapat disini.

“Justeru itu, Kerajaan negeri mengalu-alukan kerjasama daripada pihak UiTM dan

pihak ICU bagi menzahirkan potensi-potensi besar yang ada di sini,” ujar Veerapan yang juga ADUN Repah.

Veerapan berkata demikian di Majlis Lawatan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik) ICU di Jabatan Perdana Menteri, di Hub IKS Desa E-Kasih, Kampung Londah.

Tiga tempat menarik di Negeri Sembilan



1. Galeri Diraja Tuanku Ja'afar

Dalam edisi lalu Negeri Kita (NK) telah berkongsi tiga lokasi menarik yang terdapat di Negeri Sembilan.

Oleh itu, dalam edisi kali ini kita sambung lagi, supaya lebih banyak pilihan boleh dilakukan bagi memaksimumkan hari anda apabila datang ke negeri ini nanti.

Tiga tempat menarik tersebut adalah Galeri Diraja Tuanku Ja'afar, Masjid Sri Sendayan dan Jeram Tengkek.

Galeri yang terletak di Seremban ini memaparkan koleksi seni dan artifak yang berkaitan dengan sejarah dan budaya Negeri Sembilan, terutamanya berkaitan dengan keluarga diraja Negeri Sembilan.

Galeri ini dinamakan sempena Tuanku Ja'afar, yang merupakan bekas Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan serta merupakan seorang tokoh penting dalam sejarah moden negeri ini.

Di sini, pengunjung dapat melihat pelbagai artifak bersejarah termasuk pakaian tradisional, perabot, senjata, gambar dan lain-lain, yang memberi gambaran yang mendalam tentang kehidupan dan warisan budaya Negeri Sembilan.

2. Masjid Sri Sendayan

Sudah pasti masjid ini tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat kita. Manakan tidak, masjid ini juga menjadi tumpuan pada bulan Ramadhan tempoh hari sebagai lokasi untuk berbuka puasa bersama dengan jemaah lain.

Masjid yang siap pada September 2019 ini boleh dianggap sebagai contoh keindahan seni bina moden di negeri ini. Hal ini dipengaruhi dengan binaan arkitektur yang menarik dan unik serta ketinggian menara menjadikannya ciri khas yang mudah dikenali di kawasan sekitarnya.

Reka bentuk masjid ini juga menggunakan elemen-elemen moden serta unsur tradisional sekali gus memberikan aura keanggunan dan kemuliaan.



3. Jeram Tengkek

Destinasi ketiga adalah Jeram Tengkek. Sebuah nama yang mungkin kurang sinonim dengan orang luar tetapi dekat dengan rakyat Negeri Sembilan.

Terletak di Kampung Sungai Tengkek, jeram ini dapat melakukan pelbagai aktiviti menarik dengan berlatar belakang alam semula jadi yang indah.

Di sini anda boleh melakukan aktiviti seperti memancing, berpiknik dan berekreasi di dalam air.

Jadi kepada yang belum pernah menjejaskan kaki ke sini, anda semua disaran untuk datang ke sini supaya datang kerana pelbagai aktiviti menarik anda boleh buat.



Nextstep PREMIUM

Dapatkan Baju NFL Bermesej Dakwah

Imbas QR Code untuk pembelian di TikTokShop



nextstep MALAYSIA



7 EVEN WONDERS
C . H . A . L . L . E . N . G . E
2 0 2 4

APRIL	GUNUNG ANGSI 27 APRIL 2024	JULAI	BUKIT PENARIKAN 20 JULAI 2024
MELI	BUKIT MELATI 01 JUN 2024	OGOS	BUKIT BATU BERAS 10 OGOS 2024
JUN	GUNUNG TAMPIN 29 JUN 2024	SEPT	PD FOREST 07 SEPTEMBER 2024
OKT	GUNUNG DATUK 05 OKTOBER 2024		

MARIL SUKAN NEGERA, KBS, 7EVEN WONDERS CHALLENGE, MATRIX MATRIX CONCEPTS

Untuk Pendaftaran, sila klayari laman web
www.tiketmasuk.my
atau Scan QR Kod Di Sebelah

#7wondersN9 #pesonanegerisembilan #hsn2024 #jomteghojahnismilan

Lokasi pertama NS 7even Wonders Challenge meriah



Negeri Sembilan sasar pulih 2,000 hektar kebun getah terbiar



JEMPOL: Kerajaan Negeri menerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Kecil Perusahaan Getah (RISDA) menyasarkan 2,000 hektar kebun getah tidak ditoreh milik pekebun kecil di negeri ini akan dipulihkan tahun ini.

Exco Desa, Perladangan dan Komoditi, YB Dato' Seri Jalaluddin Alias berkata, jumlah disasarkan itu sebahagian daripada keseluruhan 15,000 hektar kebun getah terbiar seluruh negeri.

"Pelbagai sebab menyebabkan kebun terbiar dan tidak ditoreh antaranya faktor pekebun itu sendiri seperti sudah berusia.

"RISDA sudah diarah mengenal pasti kebun getah terbiar itu dan menjelang akhir tahun ini, kita mahu 2,000 hektar kebun getah terbiar itu dipulihkan.

"Kita mahu usaha pemulihan kebun getah terbiar ini dapat diselesaikan segera dan berharap proses pemulihan ini tidak tergendala akibat pelbagai masalah dan akhirnya menemui kegagalan," jelas Jalaluddin.

Jalaluddin berkata demikian selepas merasmikan Karnival Usahawan Risda (KUR)@Ekspo Raya Jempol di Bahau.

Menurut Jalaluddin, jika semua kebun

terbiar boleh ditoreh semula, ia sekali gus meningkatkan peratusan kawasan penanaman getah di negeri ini.

"Dalam perkembangan lain, Jalaluddin berkata RISDA tidak akan menganjurkan program jualan murah seperti pernah dilaksanakan agensi itu sebelum ini.

"Di negeri ini sudah terdapat tiga program jualan murah bagi membantu rakyat iaitu Jualan Agro Madani, Jualan Rahmah dan Jualan Nismilan Prihatin," katanya.

Dalam pada itu, Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu berkata KUR memberi peluang kepada 34 usahawan RISDA menjual produk masing-masing sepanjang Ramadhan dan menjelang sambutan Aidilfitri.

Asnaf terima bantuan Bakul Rezeki Tani Aidilfitri

Seramai 60 asnaf telah diraikan dengan sumbangan Bakul Rezeki Tani sempena sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun di Program Mantai Rayo dan Jualan Nismilan Prihatin yang telah diadakan di perkarangan Masjid Dato' Klana Petra Lela Mohd Yusoff, Sikamat.

Manakala 220 lagi bantuan Bakul Rezeki Tani ini disampaikan di setiap lokasi Dewan Undangan Negeri(-DUN) yang terlibat sama dengan Program Mantai Rayo dan Jualan Nismilan Prihatin ini.

Sumbangan ini bertujuan untuk meringankan beban keluarga asnaf dan membolehkan mereka turut merasai nikmat berhari raya dengan lebih bermakna.

Pemilihan asnaf ini adalah berdasarkan pemilihan yang telah dibuat oleh Pusat Khidmat Rakyat Dewan Undangan Negeri bagi setiap DUN.

Projek hasilkan bawang tempatan pertama negara berjaya

PUTRAJAYA: Projek perintis tanaman bawang tempatan pertama negara berjaya memberikan hasil pengeluaran, sekaligus bakal mengurangkan kebergantungan terhadap bawang import.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Dato' Seri Mohamad Sabu berkata, projek seluas satu hektar itu bermula pada 24 Januari lalu di Kampung Ladang Bikam, Sungkai, Perak dan berjaya memberikan hasil pengeluaran 2.3 tan untuk tuaian kali pertama.

"Benih yang digunakan ialah varieti bawang merah BAW-1 dan BAW-2 yang dihasilkan oleh Mardi.

"Kawasan pertanian itu berpotensi mengeluarkan hasil sebanyak enam tan per hektar," kata Mohamad.

Menurut Mohamad, projek tanaman bawang tempatan yang akan dilaksanakan mulai tahun ini hingga 2030 dijangka

membantu mengurangkan import bawang negara sebanyak 30 peratus.

"Program berkenaan akan dilaksanakan dalam dua fasa meliputi pra-komersial bermula tahun ini hingga tahun depan dan fasa komersial pada tahun 2026 hingga 2030.



"Bagi fasa pra-komersial, lima tan bawang kecil dijangka akan dihasilkan menjelang tahun hadapan

"Kawasan seluas 100 hektar akan dibangunkan masing-masing 50 hektar

pada tahun pertama dan 50 hektar lagi pada tahun kedua dengan jangkakan hasil pengeluaran sebanyak lima tan metrik per hektar.

"Bagi fasa komersial pula, sebanyak 14,470 tan bawang dijangka dihasilkan menjelang tahun 2026 membabitkan kawasan penanaman seluas 1,374 hektar," jelas beliau lagi.

Mohamad berkata, sebanyak 687,000 tan bawang membabitkan nilai RM1.58 bilion diimport ke negara ini pada tahun 2022.

"Negara bergantung sepenuhnya kepada sumber bawang diimport dari India, Belanda, China, Pakistan dan Thailand.

"Antara jenis bawang segar diimport adalah bawang besar, bawang kecil dan bawang putih," kata Mohamad bagi menjawab soalan lisan Ahli Parlimen Bagan Serai, YB Dato' Idris Ahmad (PN) pada sesi lisan di Dewan Rakyat.

Penghantaran pertama hasil tuaian padi ke Pusat Pengumpulan Padi Negeri Sembilan

Pusat Pengumpulan Padi Negeri Sembilan mula beroperasi secara rasmi pada 16 Februari 2024 di Pusat Mekanisasi Peladang, Jalan Melang, Kuala Pilah.

Penghantaran hasil padi kali pertama ini adalah daripada pesawah dari Kampung Juaseh, Kuala Pilah, Encik Mohd Abd Rahman

Ibas yang mempunyai lebih 20 tahun berpengalaman sebagai pesawah.

Langkah ini merupakan antara usaha ke arah mengwujudkan satu pusat pemprosesan padi berskala kecil pengeluaran beras untuk menampung keperluan rakyat di negeri ini.

Pengeluaran padi pada tahun 2023 telah berhasil sebanyak 3,925 metrik tan dengan keluasan bertanam seluas 951 hektar.

Crop Cutting Survey (CCS) padi sering kali diadakan bagi mendapatkan data pertanian yang berkualiti, tepat, sah dan berintegriti dari segi keluasan bertanam, purata hasil padi dan pengeluaran padi serta Amalan Kultura pada sawah yang diusahakan.

Daripada keberhasilan hasil padi ini, bermula bulan Mac tahun ini, sebanyak 1.5 tan pengeluaran padi telah dihasilkan untuk rakyat Negeri Sembilan yang telah dijual semasa Jualan Nismilan Prihatin pada kadar harga yang telah disubsidi untuk setiap lima kilogram/kampit dengan harga RM13.00.

Pengeluaran beras ini akan ditingkatkan lagi dalam usaha menampung keperluan sedia ada.

Inisiatif ini dapat direalisasikan dalam usaha dan menyokong agenda sekuriti makanan dalam menjamin dan meningkatkan bekalan makanan Negeri Sembilan secara khususnya.

Dengan sokongan penuh daripada pesawah dan didokong sepenuhnya oleh jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan, Negeri Sembilan dijangkakan akan mengeluarkan beras dibawah penjenamaan sendiri sebelum tahun 2025 yang mana ia secara tidak langsung akan membuka pasaran baru bagi keluaran beras ini sekiranya hasil pengeluaran padi melebihi permintaan rakyat Negeri Sembilan.



**RUANG
IKLAN
UNTUK
DISEWA**

**HUBUNGI
0105392654**

PENYATUAN UMAT MEMBINA NEGARA MADANI



Wan Salim Mohd Noor

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48 KOMTAR, Pulau Pinang
04 Rejab 1445 / 16 Januari 2024

tetapi pada waktu sama melakukan tindakan yang memecah belahkan umat. Sebaliknya terdapat pula golongan yang berjuang mati-matian untuk menyatupadukan ummat tetapi meremehkan usaha menegakkan agama!

Penyatuan umat bererti bekerjasama pada jalan kebenaran dan kebaikan, berlembut dan merendah diri kepada sesama umat Islam. Ia juga bererti wujud kepimpinan yang sama dan sumber rujukan yang sama dan saling membantu antara satu dengan yang lain.

MUQADDIMAH

Antara kewajipan agama yang sering tidak atau kurang mendapat perhatian masyarakat Islam ialah penyatuan umat yang amat penting bagi kehidupan mereka; tidak kurang pentingnya daripada syahadain, solat, puasa, zakat dan haji!

Penyatuan umat adalah antara matlamat syariah (Maqasid Syari'ah) yang asas. Ia merupakan satu kefarduan atau tuntutan syarak dan sekaligus merupakan tuntutan sosial. Berikut adalah huraian ringkas tentang isu ini, semoga bermanfaat untuk pengamatan semua pihak yang cakna terhadap kepentingan umat Islam dan kedudukannya dalam dunia masa kini dan pada masa hadapan.

KEPERLUAN PENYATUAN UMAT

Komitmen dan pelaksanaan tuntutan ini mempunyai kesan yang besar bagi ketinggian, kedaulatan, kekuatan dan kemajuan umat Islam. Sebaliknya mengabaikan kefarduan ini menyebabkan kerosakan, kelemahan dan kemunduran mereka. Kepentingan penyatuan umat ini tidak kurang pentingnya daripada kepentingan menegakkan agama itu sendiri. Malah ia menjadi asas yang kukuh baginya.

Firman Allah SWT di al-Qur'an bermaksud:

"Dia (Allah) mensyariatkan untuk kamu agama apa yang dipesanan kepada Nabi Nuh dan yang Kami wahyukan kepada kamu (Muhammad) dan apa yang dipesanan kepada nabi-nabi Ibrahim, Musa dan 'Isa, iaitu hendaklah kamu menegakkan agama dan janganlah kamu berpecah belah padanya." (Surah as-Syura: 13).

Ini bererti bahawa penegakan agama adalah satu kefarduan (kewajipan), begitu juga penyatuan umat juga adalah satu kefarduan. Malangnya kita dapati pada masa kini ada pihak yang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menegakkan agama,

Beginilah kita dapati keadaan umat Islam pada zaman kini. Setiap kumpulan mengambil satu jujuk tertentu daripada Islam serta mengeneipkan bahagian-bahagian yang lain. Ada yang mengambil aspek Aqidah, ada yang hanya mementingkan aspek Fiqh sahaja, ada yang fokus kepada aspek dakwah, ada yang menekankan kepada aspek politik, ada yang beri perhatian kepada penyucian hati dan pembinaan rohani dan seterusnya.

Setiap golongan menumpukan segala tenaga fizikal dan fikiran kepada aspek yang dianggap penting olehnya. Namun masalahnya adalah apabila ada yang berpandangan bahawa aspek yang dipilihnya sahaja merupakan Islam; manakala aspek-aspek yang dipentingkan oleh orang lain semuanya salah belaka. Untuk mengatasi masalah ini, semua pihak hendaklah menghormati satu sama lain walaupun berbeza bidang aktiviti yang dipilih.

Setiap orang atau kumpulan mesti memahami bahawa agama Islam adalah satu cara hidup komprehensif dan mencakup pelbagai bidang kehidupan individu dan masyarakat. Jika sekalian umat Islam melibatkan diri dalam mana-mana bidang maka pada akhirnya akan terhasil natijah yang saling melengkap sebagai mana dituntut di dalam ajaran Islam sebagai Ad-Din.

3. Taat Kepada Wali ul-Amri Dan Ulama Muktabar



Firman Allah SWT bermaksud: "Wahai orang-orang beriman! Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul-Nya dan para pemimpin dalam kalangan kamu. Jika kamu berselisih tentang sesuatu perkara maka hendaklah kamu kembalikannya (dengan merujuk) kepada Allah dan Rasul jika kamu sungguh beriman kepada Allah dan Hari Akhirat..." (Surah an-Nisa': 59)

Namun ketaatan kepada pemimpin adalah di dalam perkara-perkara yang baik sahaja dan yang tidak bertentangan dengan syariat. Ini berdasarkan sebuah hadis sahih riwayat al-Bukhari yang bermaksud "Tiada (tidak harus) taat kepada (mana-mana) makhluk dan perkara maksiat kepada Khaliq."

4. Tidak Taksab Kepada Individu Atau Kumpulan

Seorang Muslim hendaklah menghindari sikap taksab atau

fanatik kepada pemimpin tertentu, atau kepada kumpulan tertentu atau parti politik atau mazhab fiqh tertentu sehingga ke tahap memusuhi saudara seagamanya, atau mengkafir dan menghalalkan darahnya seperti yang pernah dilakukan oleh puak Khawarij pada zaman silam.

5. Mewujudkan Badan Rujukan

Umat Islam perlu berusaha untuk mewujudkan satu pasukan atau kumpulan sebagai pihak yang dirujuk oleh semua pihak termasuk pegawai Kerajaan, pimpinan politik, para akademis, ilmuwan dan orang perseorangan.

Kumpulan ini hendaklah dipilih daripada kalangan ulama berwibawa dari segi ilmu agama yang mendalam serta mempunyai kemahiran dalam mengaplikasikannya ke atas realiti semasa (membumikan nusus ke atas realiti). Mereka juga mesti diketahui umum tentang kesolihan dan keunggulan peribadinya.

6. Membuka Pintu Dialog

Pihak berkuasa di negara-negara Islam dan golongan ilmuwan, kepimpinan politik dan masyarakat mesti menggalakkan kebebasan mengeluarkan pandangan yang penting untuk mencapai kebenaran. Namun kebebasan mengungkapkan fikiran ini hendaklah dalam batas adab dan akhlak kesopanan serta saling menghormati. Segala pandangan yang dikeluarkan hendaklah berdasarkan dalil dan hujah. Tidak wajar sesiapa pun mengkafirkan, memfasik dan membid'ahkan mana-mana individu, kumpulan atau pihak yang berbeza pandangan dengannya.

7. Perlu Bezakan Antara Qat'iyyat Dan Zanniyyat

Mana-mana individu Muslim tidak harus mempertikaikan hukum qath'i yang dinyatakan dengan jelas dan tegas di dalam nusus al-Qur'an dan hadis. Sebaliknya dalam isu-isu ijthadiyyah sama ada yang diambil daripada nusus yang bersifat zanniyyat atau yang dirumus daripada kaedah-kaedah fiqh yang berbeza maka setiap orang atau kumpulan hendaklah bertolak ansur dan saling memaafkan antara satu sama lain.

Dalam ungkapan mencari kebenaran dengan ikhlas dan

mengambil antara syariah dan kefahaman terhadap syariah. Kita wajar berpegang dan menghayati maksud kaedah emas: "Kita bekerjasama dalam isu-isu yang disepakati dan saling memaafkan dalam isu-isu yang kita berbeza."

8. Berbaik Sangka Antara Sesama Muslim

Sebagai umat Islam kita mesti menyucikan hati masing-masing daripada sifat-sifat keji; antaranya menyangka buruk kepada sesama penganut Islam. Janganlah hendaknya wujud di dalam hati seorang Muslim sikap taksab kepada kumpulannya sendiri atau taksab kepada pemimpinnya sehingga ke tahap yang tidak rasional.

Tidak sepatutnya seorang Muslim mengambil sikap bahawa apa sahaja yang terbit daripada dirinya, atau pemimpinnya, atau kumpulannya adalah benar dan baik belaka, manakala yang lahir daripada orang lain, pemimpin lain dan parti lain semuanya salah dan tidak bermanfaat! Sikap double standard ini adalah taksab buta tuli yang merosakkan perpaduan dan menghalang umat daripada pembangunan dan kemajuan. Sikap yang betul ialah mengakui dan menerima kebenaran walau dari sumber mana sekalipun.

KHATIMAH

Demikianlah perbincangan serba ringkas tentang persoalan Penyatuan Umat Membina Negara Madani. Semoga ia dapat dijadikan pedoman dalam usaha pihak Kerajaan Malaysia, Kerajaan-kerajaan Negeri dan segenap lapisan rakyat untuk melonjakkan pembangunan negara Malaysia.

Dengan perpaduan umat diharap mampu membantu ke arah Pembangunan Lestari, tanpa digugat oleh elemen-elemen perpecahan dan permusuhan. Sama-samalah kita doakan semoga Allah SWT sentiasa mengurniakan taufik dan hidayah-Nya kepada para pemimpin dan rakyat negara ini untuk menghindari faktor-faktor yang membawa kepada perpecahan umat, sebaliknya mempersatukan tali perpaduan dan persaudaraan di dalam barisan umat.

Bersatu teguh, bercerai roboh.

KARYA PILIHAN

Negeri Nan Sembilan

Inilah negeri nan sembilan
leluhur wasilah anak-anak negeri
dari ranah kasih haruman kasturi
bersendikan adat berpaksikan
perbilangan
nan dua belas suku utuh bersemi
berpayungkan adat perpatih
pusaka warisan bangsa dilestari
syariat ditaati adat bersendi

Tinggi martabat berkias seni
pepatah-petitih bertingkah puji
berbunga harum resam tersanjung
sembilan luak teguh terulung
payung berkembang memayungi alam
alam beradat penuh bererti
nan cantik dijadikan
pegangan anak-anak negeri

Inilah negeri nan sembilan
destar tersanjung
dendam tak sudah
pusaka warisan lingkungan
kemakmuran
Ibu Soko keramat adat
menjurai waris nuansa sejarah
tradisi nan hidup berpaksikan
kitabullah
takkan gentar anak-anak negeri
menjunjung kasih di bumi pertiwi
demi cinta pada tanah nan beradat ini.

BAIYAZID MUSTAFFA
Unit sekolah Jenis Khas
Sektor Pengurusan, JPN Negeri Sembilan

Mencanting Pelangi
Malaysia Madani

Kita bina ranah leluhur ini
dengan kemampunan cinta
dan kita cantumkan aksara kesejahteraan
dalam mencari makna perpaduan
lalu kita kukuhkan benteng bangsa ini
dengan harapan kasih
merekayasa obor kemakmuran
ke puncak impian

Kita bina bangsa cemerlang
dengan menyulam satu kepercayaan
memegang panji kesetiaan
tanpa sedetik prasangka
berpadu meraksi bangsa
gah memacu citra

Kita bina bangsa gemilang
dari akarnya yang menjalar ukhuwah
tumbuh menjadi pohon warga berhemah
lalu kita rapatkan bangsa pertiwi
dengan genta fikir nan satu

Kita mencanting pelangi
demi Malaysia Madani
berkibar dengan warna inspirasi
dengan semangat
dengan tekad
dengan keyakinan
dirgahayu tanah airku tercinta.

BAIYAZID MUSTAFFA
Unit sekolah Jenis Khas
Sektor Pengurusan, JPN Negeri Sembilan

Rumah Harapan Rakyat NSDK 2024

Membantu golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah di tanah sendiri.

YB DATO' SERI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI DESAR NEGERI SEMBILAN

www.n9.digital / Aplikasi N9 Digital

UJANG & INDUK

HARGA SEUNIT RM 35 RIBU. SUBSIDI RM 10 RIBU. TANPA FAEDAH. DEPOSIT 5%. BAYARAN BALIK PINJAMAN RM 238 X 300 BULAN.

SYARATNYA MUDAH JE. UMUR 21-50 TAHUN. GAJI BULANAN RM 4 RIBU. ADA TANAH SENDIRI. MUDAH JE.

1Y000! MUAT TURUN BORANG DI LAMAN www.pkms.gov.my INI SKIM 'TOLONG ORANG' BUKAN 'TIPU ORANG'.

1Y0-LAH NI?!!

magat @negerikita

HANTAR KARYA ANDA!

Negerikita ingin membuka ruang kepada seluruh rakyat negeri sembilan yang ingin menghantar karya kreatif bagi terbitan negerikita edisi akan datang.

Hasil kreatif tersebut boleh di hantar ke: bmsmedia.ns@gmail.com

Karya kreatif tersebut boleh seperti:

1. Kartun
2. Lukisan
3. Tulisan sajak / puisi
4. Cerpen
5. Seloka rakyat
6. Sinopsis buku

Setiap hasil kreatif akan menerima cenderahati dari pihak negerikita.

Sila sertakan maklumat asas seperti nama, alamat dan nombor telefon.



KETUA POLIS NEGERI SEMBILAN

DCP DATO' AHMAD DZAFFIR BIN MOHD YUSSOF



Tarikh Lahir	13 Jun 1970
Tempat Lahir	Seremban, Negeri Sembilan
Tarikh Mula Khidmat	28/4/1991
Pangkat	Deputy Commissioner Police (Dcp)
Jawatan	Ketua Polis Negeri Sembilan
Kelulusan	Sarjana Undang-Undang UIA
Status Perkahwinan	Berkahwin
Nama Isteri	Dsp Datin Erny Yusnida Binti Che Yusoff
Bilangan Anak	5 Orang

Di atas kelayakan beliau sebagai Pegawai Kanan Polis yang berintegriti, beliau telah ditugaskan sebagai Penasihat Keselamatan di Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia PBB di New York, Amerika Syarikat selama 3 tahun dari tahun 2014 hingga 2017. Setelah tamat penugasan di luar negara, beliau telah diamanahkan untuk bertugas sebagai Ketua Polis Daerah Kajang, Selangor bagi tempoh 2017 hingga 2020.

Sepanjang berkhidmat sebagai Ketua Polis Daerah Kajang, Selangor, beliau telah berjaya mengurangkan kadar indeks jenayah di daerah Kajang sepanjang tempoh beliau berkhidmat selama 2 tahun 9 bulan. Beliau juga telah terlibat secara aktif dalam kes-kes berprofil tinggi seperti kes Siti Kassim, Dong Jong dan dapat menyelesaikan kes-kes jenayah yang lain. Beliau juga merupakan seorang pegawai yang sentiasa bekerjasama dan beramah mesra dengan komuniti dan Kerajaan Negeri serta NGO dalam kerja-kerja kebajikan di kawasan Kajang.

Pada tahun 2020, beliau telah dinaikkan ke pangkat Senior Assistant Commissioner Police (SAC) dan ditugaskan

sebagai Ketua Perhubungan Antarabangsa, Urus Setia KPN. Namun, berdasarkan kelayakan beliau dalam bidang perundangan, pucuk kepimpinan Polis Diraja Malaysia telah menyelaraskan beliau sebagai Ketua Urus Setia KPN (Perundangan) pada 1 Julai 2020 sehingga kini dan merupakan penasihat undang-undang kepada Polis Diraja Malaysia khususnya YDH Ketua Polis Negara, YDH Timbalan Ketua Polis Negara dan Jabatan Polis Diraja Malaysia.

Selain daripada itu, beliau juga berperanan mewakili Polis Diraja Malaysia sebagai penyelar di antara Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Penasihat Undang-Undang (PUU), KDN dan Jabatan Peguam Negara bagi segala perbincangan berhubung isu perundangan di Malaysia.

Sebagai contoh: Kajian melanjutkan tempoh kuat kuasa subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) [Akta 747] selama 5 tahun bagi tujuan mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Dari Minda Tok Min

[Petikan Ucapan YAB Menteri Besar di Parlimen Malaysia]

Jasa Besar Raja-Raja Melayu Wajib Dipertahankan

Sebagai salah seorang penggubal dasar negara, beliau menolak jika ada di kalangan ahli dewan yang cuba menjadi jaguh suci dengan mendakwa perlembagaan negara ini adalah bayangan penjajah british yang menipu umat Islam dengan tidak sekali-kali mahu memberi kuasa kepada Islam.

“Apakah kita lupa bahawa Malayan Union dibubarkan selepas British akur kepada penentangan orang-orang Melayu?”

“Dalam tempoh 10 tahun sebelum Tanah Melayu Merdeka, kita dapat lihat dalam catatan sejarah bahawa Pelembagaan Pesekutuan Tanah Melayu telah melalui pelbagai siri penambahbaikan mengikut acuan leluhur bangsa Melayu Islam yang dikepalai oleh Raja-Raja Melayu ketika itu.”

“Jasa besar Raja-Raja Melayu yang wajib kita pertahankan hari ini adalah kerana dengan kuasa mauafakat Raja-Raja Melayu, tiga isu utama yang berkaitan dengan hak Melayu Islam dapat dikekalkan sehingga hari ini iaitu kedudukan keistimewaan orang melayu, Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan,” ujar Aminuddin.

Hakim Abdul Hamid (salah seorang ahli Suruhanjaya Reid yang berasal

dari Pakistan) juga mempunyai jasa besar yang telah menyediakan nota tersendiri yang berasingan dari ahli-ahli Suruhanjaya yang lain dan berjaya meletakkan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan Tanah Melayu.

“Maka, seperti mana isu pertikaian perlembagaan yang berlaku baru-baru ini, ditambah dengan teguran DYMM Sultan Selangor ke atas salah seorang ahli dewan rakyat, saya menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia agar kita kembali kepada perkara asas dalam perlembagaan dan menolak segala doktrin salah yang telah tersebar sejak tahun 1980an.

“Saya begitu hairan, bagaimana seorang yang telah menjadi ahli dewan rakyat lebih empat penggal, tetapi masih tidak memahami tugas sebagai ahli dewan rakyat dan peranan utama sebagai penggubal undang-undang negara.

“Sedangkan, ketika kita mengangkat sumpah sebagai ahli dewan rakyat, melafazkan janji taat setia kepada negara dan akan mempertahankan Perlembagaan Negara.

“Jangan kita jadi seperti yang disebut oleh peribahasa Melayu, ‘Beriak tanda tak dalam, bergoncang tanda tak penuh’ (Orang yang sombong besar, cakap tak berisi)



“Sejahtera ke atas kamu dan dirahmati oleh-Nya”.

Didoakan agar semua pembaca ruangan ini berada dalam keadaan yang baik dan sihat sejahtera.

“Kasih pada ibu, taat pada bapa, hormat pada guru, keluarga bahagia”, adalah rangkap pertama lagu ‘Keluarga Bahagia LPPKN’ yang menggambarkan betapa pentingnya pengamalan nilai-nilai murni dalam sesebuah keluarga, individu dan masyarakat keseluruhannya.

Bahagia. Apa yang kita faham mengenai bahagia?

Bahagia bagi kita mungkin tidak sama dengan bahagia milik orang lain. Setiap daripada kita mempunyai nilai-nilai sendiri untuk menggambarkan kebahagiaan seterusnya pembentukan keluarga bahagia.

Kebahagiaan dalam sesebuah keluarga sangat penting dan menjadi tujuan kita semua membina institusi keluarga.

Kita berkahwin, mempunyai cahaya mata dan bergelar ‘ibu dan bapa’ menjadikan kehidupan seharian lebih bertanggungjawab dan mencabar.

Sebagai manusia kadangkala dengan kesibukan, kita terle-

pas pan-dan g menjaga kebahagiaan dalam rumah kita sendiri.

Lama kelamaan perkara ini tanpa disedari boleh menyebabkan kebahagiaan terhakis.

Anda adalah ‘chef’ dalam keluarga, resepi kebahagiaan ada di tangan anda.

Hanya anda yang tahu apa bahan-bahannya mengikut selera sendiri.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) misalnya, telah menggariskan lima teras Keluarga Bahagia yang berlandaskan konsep KASIH. Lima nilai tersebut adalah:-

K - KASIH SAYANG

Teras kasih sayang dapat diterjemahkan melalui tindakan seperti menerima anak seadanya, tidak membezakan kasih sayang antara anak-anak

Dalam dunia keibubapaan, tiada satu formula tetap yang boleh dipraktikkan oleh ibu bapa.

Ibu bapa perlu menyesuaikan gaya keibubapaan berdasarkan situasi dan tahap perkembangan anak-anak.

Empat gaya keibubapaan utama iaitu autoritatif, autoritarian, permisif dan pengabaian memainkan peranan penting dalam membentuk karakter dan sikap anak.

Namun, penting diingatkan bahawa mengamalkan satu gaya sahaja mungkin tidak mencukupi dalam mendidik anak yang berbeza keperluan dan personaliti.

Autoritatif adalah gabungan ketegasan dan kelembutan, menetapkan peraturan yang jelas sambil memberi ruang untuk berdialog.

LIMA TERAS Keluarga Bahagia K.A.S.I.H

boleh merosakkan diri (dadah dan arak).

I – ILMU

Teras ini juga penting kerana mencari ilmu tidak terhad kepada yang masih belajar tetapi terbuka kepada semua. Setiap ibu bapa perlu menerapkan budaya ilmu dan sentiasa meningkatkan kemahiran keibubapaan dan ilmu kesejahteraan hidup sepanjang masa. Di antara contoh amalannya ialah memperuntukkan masa untuk membaca, menghadiri majlis-majlis ilmu serta mengamalkan budaya membaca dalam keluarga.

H – HARMONI

Teras yang terakhir iaitu HARMONI merujuk kepada hubungan keluarga asas dan keluarga luas yang harmoni dengan interaksi yang sihat antara generasi dan komuniti masyarakat. Antara amalan-amalan yang menggambarkan budaya harmoni termasuklah menjaga

hati kedua ibu bapa dan datuk nenek serta sentiasa menghormati sesama jiran.

Apa yang disarankan oleh LP-PKN ini mungkin berbeza dengan pihak lain. Namun tujuan utamanya tidak lain ialah ke arah pembentukan keluarga bahagia. Peranan ibu bapa dalam penerapan nilai murni dalam diri anak-anak adalah sangat besar. Ibu bapa merupakan contoh terdekat kepada anak-anak.

Contoh yang ditunjukkan oleh ibu bapa dalam bentuk perilaku sehari-hari akan diamati oleh anak, dan kemudian diikuti dan dihayati oleh generasi seterusnya. “Ibu dan bapa serta keluarga, bimbinglah kami dengan penuh KASIH sayang...” KASIH Keluarga Bahagia.



AZLAN SHAH NAZRUDIN
Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) N9

Praktik gaya keibubapaan mengikut masa dan perkembangan anak



NURUL FARIAH MOHD ISA
Penolong Pengarah Kanan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN) Negeri Sembilan

Ini menghasilkan anak yang yakin dan bertanggungjawab. Gaya ini sesuai ketika anak memerlukan bimbingan tanpa merasa terkekang.

Autoritarian menekankan kepatuhan dan kurang komunikasi dua hala. Sesuai digunakan dalam situasi yang memerlukan disiplin ketat tetapi harus diimbangi dengan kasih sayang untuk mengelakkan anak merasa tidak dihargai.

Contohnya anak berdepan dengan situasi membahayakan dirinya, maka gaya autoritarian perlu dipraktikkan.

Permisif pula lebih kepada hubungan rakan, jarang menetapkan batasan dan boleh digunakan untuk mendorong kreativiti dan kebebasan anak.

Kebijaksanaan anak-anak akan lebih terserlah sekiranya

mereka dibiarkan untuk mengembangkan idea tanpa rasa takut dan kawalan daripada ibu bapa. Namun, penting untuk menetapkan batasan disiplin kepada mereka.

Pengabaian harus dielakkan kerana kurangnya bimbingan dan sokongan boleh membawa kepada masalah emosi dan sosial.

Walau bagaimanapun, mengajar anak untuk mandiri adalah penting tetapi dalam konteks yang positif dan sokongan yang cukup.

Mengamalkan pelbagai gaya keibubapaan mengikut masa dan keperluan anak membantu memupuk keperibadian seimbang dalam diri anak-anak.

Ibu bapa boleh menyesuaikan pendekatan mereka berdasarkan umur, perangai

dan tahap perkembangan anak, memastikan bahawa anak mendapat sokongan yang mereka perlukan untuk berkembang. Menjadi fleksibel dan responsif terhadap keperluan anak bukan hanya membantu dalam pembangunan mereka malah memperkuatkan hubungan ibu bapa dan anak.

Memahami dan mengamalkan kombinasi gaya keibubapaan ini menyediakan landasan kukuh untuk perkembangan anak kekal sihat, menjadikan mereka individu bertanggungjawab dan empati.

Secara tidak langsung ia membantu membentuk masa depan anak-anak lebih baik dan berdikari sebagai persiapan menghadapi persekitaran dunia yang dinamik.

Hujan paling lebat dalam tempoh 75 tahun

ABU DHABI: Emiriah Arab Bersatu (UAE) mengalami hujan paling lebat dalam tempoh 75 tahun.

Ia adalah selepas data yang direkodkan dalam tempoh 24 jam itu melepasi catatan rekod pada tahun 1949, yang menjejaskan kebanyakan wilayah di negara tersebut.

Pusat Meteorologi Kebangsaan mengesahkan bahawa rekod hujan yang berlaku di negara ini dalam tempoh 24 jam adalah peristiwa luar biasa dalam sejarah iklim UAE sejak bermulanya rakaman data iklim.

Berdasarkan laporan daripada pusat tersebut, hujan tertinggi setakat ini direkodkan di kawasan Khatm Al Shakla di Al Ain yang mencecah 254mm dalam masa kurang daripada 24 jam.



Hujan lebat yang turun tersebut merupakan satu peristiwa luar biasa yang menyumbang kepada peningkatan purata hujan tahunan di UAE.

Peluru dan dron Iran hujani Israel

EDZWAN ASHRAF

Berpatah arang, berkerat rotan, itulah peribahasa yang sesuai untuk situasi yang dialami oleh Israel pada ketika ini.

Ini kerana, pada 1 April lalu, ketika separuh penduduk bumi hampir melelapkan mata kita dikejutkan dengan serangan Iran ke atas negara yang merampas tanah rakyat Palestin itu.



Kira-kira 200 dron dan peluru berpandu balistik dilancarkan oleh Iran. Serangan itu adalah bagi menunaikan ikrar yang dilakukan bagi membalas dendam atas serangan Israel ke atas konsulatnya di Damsyik yang menyebabkan sembilan orang pegawai dan komander kanan mereka

terkorban.

Serangan yang dilakukan oleh Iran itu juga secara tidak langsung memadamkan keangkuhan Perdana Menteri Israel, Benjamin Netanyahu yang sebelum ini menyatakan bahawa mereka bersedia menghadapi serangan Iran.

Mereka juga katanya sudah dalam keadaan siap siaga sejak beberapa minggu. Ini termasuk rakyatnya yang turut berada dalam keadaan bersedia.

Namun, berdasarkan siaran video klip pendek di laman sosial, kita dapat saksikan bahawa rakyat mereka sendiri turut lari bertempiruan menyelamatkan diri, ada pula yang terus ke lapangan terbang untuk bergerak keluar daripada negara itu.

Di peringkat atasan pula, Duta Besar Israel ke PBB, Gilad Erdan terus mengutus surat kepada rakan sejawatannya dari Malta untuk meminta PBB mengadakan mesyuarat Majlis Keselamatan segera untuk mengutuk serangan Iran.

Dalam masa sama, Erdan turut menggesa PBB supaya menetapkan Kor Pengawal Revolusi Islam (IRGC) yang merupakan tunjang utama pelbagai perkhidmatan Angkatan Tentera Iran sebagai organisasi penganas.

Anwar dan perjuangan Palestin

SUWAIBAH MOHD SUJAK

Sekolah Pembangunan Kerja Belia dan Komuniti (SPKB)

Isu Palestin sebagai ibu kepada segala konflik 'the mother of all conflict' di dunia ini tidak akan selesai tanpa campur tangan global samada secara ketenteran (operasi pengaman) atau melalui advokasi di forum antarabangsa rasmi atau tidak rasmi. Hubungan multilateral setiap negara dunia dalam ruang demokrasi sivik terbuka untuk menyatakan sikap.

Malaysia mengambil pendirian yang terang dan jelas berpihak kepada Palestin. Ia bukan hanya bicara manis 'lips service' tetapi suatu pernyataan iltizam yang diujarkan dalam pelbagai pentas.

Terbaru, ucapan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim di Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) di San Francisco pada minggu lepas.

Keberanian itu dizahirkan di hadapan Presiden Amerika Syarikat (USA), Joe Biden yang sering mengangap diri mereka sebagai polis dunia. "Stop these atrocities. Stop the killings of women and children. Now! (Hentikan kekejaman ini. Hentikan pembunuhan terhadap wanita dan kanak-kanak. Sekarang!)" antara bait yang diujarkan oleh Perdana Menteri.

Tidak berselindung di balik tembok diplomasi dan menjaga kepentingan atau mengekalkan hubungan baik dengan

kuasa pelindung kezaliman Israel iaitu USA sendiri.

Kelantangan Perdana Menteri ini bukan buatan atau binaan gimik politik. Sewaktu Perhimpunan Malaysia Bersama Palestin pada 24 Oktober lepas yang mana beliau sendiri meminta agar para NGO, aktivis serta simpatisan Palestin mengadakan perhimpunan mega sebagai pernyataan rasa rakyat Malaysia terhadap Palestin.

Perdana Menteri menyebut bahawa ketegasan beliau ini telah membawa beberapa bentuk ancaman bakal terjadi terhadap negara. Antaranya, demarche (tata tindak) yang merupakan satu bentuk pernyataan rasmi berbentuk tekanan terhadap negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Amerika Syarikat untuk memperbaiki tindakan mereka yang dilihat tidak sehaluan dengan pendirian negara kuasa besar berkenaan.

Notis itu dikeluarkan oleh pihak Jabatan Negara Amerika Syarikat, manakala kelantangan Anwar itu dalam forum terbuka di negara-negara hatta yang pro-Israel.

Jika disorot, Anwar tidak berubah daripada zaman mahasiswa. Lalu, boleh disanggah rengkan daripada lawan politik yang menyatakan ia hanyalah satu lagi retorik Anwar atau tindakan politik wajar (political correctness) untuk menyertai arus besar rakyat.

Pemerhatian secara sama dan saksama

tentang pendirian Perdana Menteri tidak berubah sejak zaman mahasiswa, tidak bermusim atau menurut rasa dan perisa.

Tahun lepas, kunjungan Mantan Mufti Besar Palestin dan Al Quds Shaykh Dr.Ekrima Sa'id Sabri menggamit kembali himbauan sejarah mengenai Anwar dan tanah suci Baitulmuqaddis.

Penglibatan Anwar sewaktu memimpin ABIM pada tahun 1973 dirujuk apabila beliau mengetuai tunjuk perasaan di hadapan kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur bagi mengutuk dengan keras pencerobohan Israel dan campur tangan Amerika dalam perang Arab-Israel. Manakala, kemudiannya pada tahun 1988, beliau turut serta dalam upacara bersejarah di Algiers atas jemputan Almarhum Yasser Arafat bagi meraikan kemenangan dan kemerdekaan tanah Palestin.

Itu sewaktu menjadi aktivis mahasiswa dan belia. Manakala kini sebagai pemimpin negara, Perdana Menteri menggunakan segenap kesempatan dan platform untuk memobilisasi gerakan global ke arah pembebasan Palestin.

Malaysia menggesa agar mengadakan gencatan senjata serta merta. Peperangan berterusan akan menaikkan persaingan pengaruh kuasa besar dan meningkatkan tekanan global.

Malaysia akan terus memainkan peranan aktif dengan lisan dan tindakan untuk

Palestin tidak akan keseorangan

MOHD FAUZI FADZIL

Timbalan Pengerusi Biro Pendidikan Majlis Belia Malaysia

Kezaliman yang menimpa rakyat Palestin tidak pernah dilupakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim (PMX).

Ini terbukti apabila sokongan PMX terhadap perjuangan rakyat Palestin dinyatakan tanpa berselindung semasa beliau menghadiri Sidang Puncak Pertama ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan 78th United Nations General Assembly (UNGA).

PMX juga sentiasa mencari ruang untuk meyakinkan pemimpin dunia supaya menolak kezaliman yang menimpa rakyat Palestin, hasil usaha beliau maka Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) telah menerima resolusi bertajuk Protection of Civilians and Upholding Legal and Humanitarian Obligations. Malaysia di bawah kepimpinan PMX telah menjadi penaja bersama resolusi tersebut yang menyokong gencatan senjata segera dan berkekal antara tentera Israel dan Hamas di Gaza.

Namun disebalik pendirian tegas PMX, wujud tuduhan biadab tanpa meneliti fakta oleh sesetengah ahli politik yang mempersoalkan PMX berkenaan isu sokongan Kerajaan Perpaduan terhadap perjuangan rakyat Palestin. PMX secara peribadi telah menghubungi Ketua Biro Politik Hamas, Ismail Haniyeh untuk menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kerajaan Malaysia kepada rakyat Palestin.


Sokongan tidak hanya ditunjukkan

secara pendirian malah ia turut dimanifestasikan secara perbuatan apabila Kerajaan Perpaduan bersetuju menyalurkan bantuan RM10 juta kepada rakyat Palestin dan berharap syarikat berkaitan kerajaan, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan dan sektor swasta turut menyumbang bagi meningkatkan jumlah bantuan kepada RM100 juta.

Sesuatu yang sangat memeranjatkan apabila PMX secara terbuka menyatakan bahawa beliau menerima ugutan dari negara-negara besar kerana ketegasan Malaysia menyokong perjuangan rakyat Palestin, namun PMX secara teguh menyatakan bahawa beliau akan terus mempertahankan hak rakyat Palestin selagi diberi mandat sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Terdapat juga usaha pihak tertentu yang cuba mengelirukan masyarakat dengan menuduh PMX telah melabelkan Hamas sebagai sebuah organisasi penganas, namun kenyataan tersebut telah disangkal malah dicabar untuk dibuktikan. Bagaimana mungkin PMX dapat diterimabaik oleh Ismail Haniyeh jika beliau mengeluarkan kenyataan melabelkan organisasi pejuang rakyat Palestin tersebut sebagai penganas.

Seharusnya kita sebagai rakyat Malaysia berdiri teguh di belakang PMX di atas segala usaha yang cuba beliau lakukan untuk membantu rakyat Palestin. Pasti usaha yang beliau lakukan tidak sempurna, namun niat mumi dan usaha tersebut tidak seharusnya ditohmah dengan tuduhan yang tidak berasas. Kata pepatah Melayu ada menyebut 'Kalau tak mampu menjadi garam, jangan pula menjadi langu'.





Lembaran baru buat Hafizh dan JDT

JOHOR BAHRU: Pelumba Negara, Hafizh Syahrin sudah memulakan lembaran baharu bersama JDT Racing Team dalam dunia permotoran.

Hafizh Syahrin bakal menggunakan jentera Ducati Panigale V4R untuk beraksi di Asia Road Racing Championship (ARRC) musim 2024.

Sebelum ini Hafizh Syahrin yang merupakan pelumba Moto2 negara mempunyai masalah atas beberapa faktor antaranya prestasi jentera dan tajaan kepada pasukan yang ingin disertainya berpengkalan di Eropah.

Beliau kini sudah mula turun menjalani latihannya bersama jentera baharunya yang berwarna hitam itu beserta nombor 55 yang sinonim dengannya.

“JDT telah membuktikan, apabila membuat sesuatu mesti bersungguh-sungguh dan profesional. Jika dilihat kemampuan dari segi fasiliti, kemajuan dan sumber yang disediakan adalah sangat baik.

“Saya harap saya dapat menunjukkan kebolehan saya yang sebenar dalam memastikan JDT Racing Team berjaya sebagai pasukan yang boleh menaikkan nama JDT dalam sukan permotoran,” kata Hafizh.

Pelumba berusia 30 tahun itu akan melakukan penampilan sulung bersama pasukan JDT Racing Team di Litar Antarabangsa Chang, Thailand untuk aksi pusingan pertama ARRC musim 2024 yang bakal berlangsung dari 15 hingga 17 Mac ini.

Ganjaran kereta menunggu pemenang sukan Olimpik di Paris - Hannah

PUTRA JAYA: Ganjaran sebuah Kereta berjenama luar negara bakal menanti atlet kebangsaan yang berjaya membawa pulang pingat pada Sukan Olimpik 2024 di Paris yang akan berlangsung dari 26 Julai hingga 11 ogos.

Pihak jawatankuasa Road To Gold (RTG) telah menerima tawaran daripada syarikat kereta tersebut yang menawarkan kepada atlet negara yang berjaya menamatkan podium pada temasya sukan terbesar dunia itu, kata Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Dalam pada itu, Hannah turut berharap syarikat tempatan termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk bersama memeberi ganjaran kepada atlet yang

mengharumkan nama negara di Paris 2024 kelak.

Pemenang pingat di Sukan Olimpik dan Paralimpik layak menerima Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) mengikut warna pingat yang dimenangi manakala pemenang pingat emas di Sukan Olimpik dan Paralimpik akan menerima RM1 juta, bagi perak dan gangsa masin-masing layak mendapat RM300,000 dan RM100,000.



Peningkatan 50% graduan bekerja dalam pekerjaan bukan standard menurut Laporan KRI

MUHAMMAD FATULHAQIM ADNAN

Sejak sedekad yang lalu peningkatan graduan yang bekerja dalam pekerjaan bukan standard, perkerjaan sementara dan kontrak, separuh masa dan bekerja sendiri.

Laporan bertajuk Shifting Tides: Charting Career Progression of Malaysia's Skilled Talents oleh Khazanah Research Institute (KRI), memperoleh 46.8 peratus graduan pada 2010 bekerja dalam kategori tersebut.

Menjelang tahun 2021, peningkatan berlaku kepada 55.9 peratus, dengan 16.1 peratus memilih untuk bekerja sendiri, separuh masa (14.6) dan kontrak atau sementara (25.2 peratus).

Faktor lain bagi peningkatan itu ialah lebih separuh graduan yang menukar pekerjaan, tawaran gaji yang rendah menyebabkan ketidakpuasan yang tinggi disebabkan terlebih kelayakan dan pekerjaan yang bukan standard,” menurut laporan tersebut.


Keberhasilan pekerjaan yang tidak sekata juga menjadi faktor sebagai contoh peluang pekerjaan dan gaji yang lebih banyak kepada lepasan ijazah berbanding lepasan diploma.

Lepasan Diploma yang menamatkan pelajaran, sebanyak 50.0 peratus menghadapi masalah terlebih kelayakan dan bergaji rendah berbanding dengan lepasan Ijazah sebanyak 69.3 peratus mendapatkan pekerjaan.

Begitu juga, perbezaan graduan Institut Pnegajian Tinggi Awam (IPTA) yang lebih mudah dan mendapatkan pekerjaan yang lebih baik berbanding graduan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang lebih sukar memperoleh pekerjaan yang lebih baik.

Kadar tersebut mempengaruhi permulaan gaji yang lebih rendah kepada graduan IPTS berbanding graduan IPTA.

STATISTIK NEGERI SEMBILAN



Nota:
1. Siswazah merujuk kepada individu berumur 15 tahun dan lebih yang memiliki ijilil tertinggi yang diperolehi daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diktrir atau setaraf, dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya 2 tahun.

NSFC dan KYNS jalin kerjasama bina kerjaya pemain bola sepak

SEREMBAN: Negeri Sembilan Football Club (NSFC) dan Kolej Yayasan Negeri Sembilan menjalin kerjasama dengan memberi peluang kepada pasukan belia bawah 18 tahun Negeri Sembilan memperoleh pendidikan dalam aliran TVET di samping menjalani latihan bol sepak mewakili Negeri Sembilan.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, melalui kerjasama ini pemain Piala Belia Negeri Sembilan FC bakal menjalani pembelajaran Sijil Kemahiran Malaysia (Automotif/Elektrik) Tahap 2 sehingga awal tahun hadapan.

"Usahasama yang pertama kali diadakan ini memberi peluang kepada pemain muda untuk meneruskan pelajaran sambil berkhidmat bersama pasukan. "Ini memberi nilai tambah da-



lam perjalanan kerjaya mereka," katanya.

Aminuddin berkata demikian dalam ucapan perasmian Majlis Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kolej Yayasan Negeri Sembilan dengan Negeri Sembilan Football Club, dan juga Majlis Peluncuran Pusat Latihan Kepimpinan Dan Keus-

ahawanan Kolej Yayasan Negeri Sembilan (LETraCe KYNS) di Klana Resort.

Menurut Aminuddin, buat julung kalinya Negeri Sembilan Football Club (NSFC) yang telah membuat pemilihan pemain bawah 18 tahun dengan membentuk 2 pasukan bola sepak iaitu pasukan Negeri Sembilan

bawah 18 dan pasukan pelajar bawah 18 di bawah Kolej Yayasan Negeri Sembilan FC.

"Inisiatif ini adalah dibawah program Pendidikan TVET Sukan Madani Negeri Sembilan dalam sukan Bola Sepak.

"KYNS telah menubuhkan Pusat Latihan Kepimpinan dan Keusahawanan Kolej Yayasan Negeri Sembilan (PLKK) atau

LETraCe KYNS (Leadership And Entrepreneurship Training Centre) yang mana KYNS menjadi Penyedia Latihan dalam bidang Kepimpinan dan Keusahawanan kepada wargakerja agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) dan pertubuhan-pertubuhan belia dari seluruh Negeri Sembilan dan amnya di Malaysia," ujar Aminuddin.



Port Dickson juara Piala Tuanku 2024

SEREMBAN: Pasukan bola sepak Port Dickson muncul juara dalam perlawanan akhir Piala Tuanku 2024 di Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi.

Port Dickson membawa pulang sebuah piala, pingat dan wang tunai RM10,000 selepas mengalahkan Jelebu 4-1 dalam

penentuan sepakan penalti selepas kedua-dua pasukan bertarung tanpa jaringan selama 90 minit masa penuh perlawanan.

Naib juara Jelebu pula memenangi sebuah piala, pingat dan hadiah wang tunai RM5,000.

Sementara itu, dua pasukan yang kalah di peringkat separuh akhir iaitu Seremban dan Tampin menerima hadiah wang tunai RM3,000 setiap pasukan.

Kejohanan ini diadakan setiap tahun sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir yang disambut pada 14 Januari lalu.

RM17 juta naik taraf Stadium Hoki Seremban 2, kompleks sukan Tampin dan Kuala Pilah

SEREMBAN: Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memperuntukkan RM17 juta bagi menaik taraf Stadium Hoki Seremban 2 serta Kompleks Belia dan Sukan Tampin dan Kuala Pilah pada tahun ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, kerja-kerja baik pulih Stadium Hoki Seremban 2 membabitkan kos RM5 juta, manakala RM6 juta akan dibelanjakan bagi setiap kompleks sukan di dua daerah tersebut.

"Baik pulih stadium hoki melibatkan pemasangan padang sintetik yang baharu, kerja pembaikan perparitan dan penggantian lampu limpah (floodlight).

"Manakala Kompleks Belia dan Sukan Tamin dan Kuala Pilah perlu dinaik taraf kerana sudah lama tidak dibaik pulih," kata Aminuddin.

Rangka pelan strategik bagi memastikan kejayaan di SUKMA

SEREMBAN: Persatuan sukan di Negeri Sembilan yang akan terlibat dengan Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-21 di Sarawak pada tahun ini, diminta menyediakan pelan strategik bagi memastikan kejayaan kontinjen Negeri Sembilan dalam temasya sukan tersebut.

Exco Pembangunan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, YB Mustapha Nagoor berkata,

setiap pengurus pasukan perlu merangka pelan strategik serta jadual latihan yang efisien dalam memastikan atlet-atlet kita kekal cergas.

"Pelan strategik dan jadual latihan yang efisien mampu melahirkan atlet yang cemerlang dan berupaya mencipta kejayaan," ujarnya. Mustapha berkata demikian di Mesyuarat Persiapan SUKMA

Ke-21 Bersama Pengurus Pasukan di Seremban.

Menurut beliau, mesyuarat ini bertujuan untuk merancang persiapan bagi penyertaan kontinjen Negeri Sembilan dalam acara sukan yang berprestij kali ini.

SUKMA Ke-21 dijadualkan berlangsung di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos ini.





SUKAN NEGERI KITA

Pasukan hoki wanita dalam misi pertahankan treble



SEREMBAN: Pasukan hoki wanita Negeri Sembilan dalam misi untuk mempertahankan kejuaraan treble pada edisi lalu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun berkata, kejayaan tersebut

menjadikan pasukan hoki wanita Negeri Sembilan sebagai pasukan pertama memenangi Piala Sumbangsih, Piala Liga Hoki Wanita Malaysia dan Piala Vivian May Soars.

"Oleh itu, pada edisi kali ini kita perlu mempertahankan gelaran

tersebut dengan memenangi ketiga-tiga piala itu.

"Tahun ini juga menyaksikan seramai lima orang pemain baru dan dua daripadanya merupakan pemain daripada China.

"Semoga pertambahan pemain baru ini dapat mempermudah pasukan hoki wanita kita untuk terus melakar kecemerlangan di peringkat kebangsaan," kata Aminuddin.

Bajet terbesar 'Road To Gold' untuk badminton

KUALA LUMPUR: Peruntukan terbanyak Program Road To Gold (RTG) sepanjang 2023 dengan jumlah lebih RM1,182 juta daripada jumlah keseluruhan RM3.53 Juta diberikan kepada para pemain di bawah payung Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Para pemain badminton profesional menerima jumlah kedua terbanyak sejumlah RM1,068 juta,

Kesemua perbelanjaan itu diginakan untuk lima jenis sukan bagi membantu atlet menerusi program khas untuk ke Sukan Olimpik Paris 2024 menurut Koordinator Program RTG, Datuk Stuart Ramalingam.



Perkara tersebut adalah sebagai pembakar semangat untuk memburu pingat emas buat negara. Skuad hoki, angkat berat, terjun dan berbasikal turut menerima peruntukan tersebut.

"Pecahan perbelanjaan itu adalah atlet terjun, mereka menerima peruntukan RM458,177, berbasikal RM465,239 dan angkat berat RM20,025.

"Skuad hoki pula menerima RM342,903," katanya lagi.

Senarai terbaharu RTG menyaksikan seramai 13 atlet berada dalam program tersebut.

Skuad badminton muncul atlet teramai melibatkan Aaron Chia, Soh Wooi Yik, Ong Yew Sin Teo Ee Yi, Pearly Tan, M.Thinaah, Ng Tze Yong, Chen Tang Jie dan Toh Eei Wei.

Turut kekal dalam senarai ialah dari sukan berbasikal iaitu Datuk Azizulhasni Awang, Muhammad Shah Firdaus Sahrom, Mohammad Aniq Kasdan (angkat berat) dan Rhodict (terjun).

Kejohanan	Mula	Berakhir
LIGA SUPER	10 - 12 MEI 2024	20 APRIL 2025
PIALA FA	14 MEI 2024	24 OGOS 2024
PIALA MALAYSIA	18 OKTOBER 2024	26 APRIL 2025
MFL CHALLENGE CUP	9 DISEMBER 2024	22 FEBRUARI 2025
PIALA MFL	20 MEI 2024	15 APRIL 2025

Liga Malaysia bagi musim 2024/ 2025 akan bermula pada 10-12 Mei 2024, dan dijadualkan berakhir pada 26 April 2025.